PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

SELASA: 13 MEI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 10 HINGGA 73)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan No: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peruntukan yang disediakan khusus untuk pembangunan insan remaja. Nyatakan juga jenis-jenis program atau projek yang dijalankan dan kos bagi tahun 2005 sehingga kini bagi setiap negeri.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia Dan Sukan sememangnya menyediakan peruntukan khusus untuk pembangunan insan remaja. Kursus dan Program ini telah wujud sejak tahun 2005 lagi, seperti :

   Tahun 2005

   Program : Seminar Sehari pendedahan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan; Ekspedisi Penggalakan Kerja Belia; Program Pembangunan Kepimpinan Melalui Media Massa; Program Belia Gemilang; Seminar Pembangunan dan Pengembangan Aktiviti Sahsiah Seminar Kepimpinan Belia Islam Hadhari; Multaqa

Kepimpinan Belia Islam Kebangsaan; Kem Belia Islam Cemerlang

Bilangan Program : 216 program

Peruntukan : RM4,454,380.00

Tahun 2006

Program : Seminar Islam Hadhari Peringkat Daerah; Seminar Islam Hadhari Peringkat Negeri; Penghayatan Maal Hijrah Peringkat Negeri; Penghayatan Maulidur rasul Peringkat Negeri; Penghayatan Nisfu Sya'ban Peringkat Negeri; Penghayatan Ibadah Qurban Peringkat Negeri; Konvensyen Islam Hadhari Belia Peringkat Kebangsaan

Bilangan Program : 131 program

Peruntukan : RM1,164,400.00

Tahun 2007

Program :Bengkel Islam Hadhari Peringkat Negeri; Program Takwim Islam; Penghayatan Ibadah Qurban Peringkat Negeri; Program Bina Sahsiah Bersama Halaqah TV9

Bilangan Program: 50 program

Peruntukan : RM926,850.00

Tahun 2008

Program :Penghayatan Maal Hijrah Peringkat Negeri; Penghayatan Maulidur rasul Peringkat Negeri; Forum Perdana Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan; Bengkel Belia Hadhari Peringkat Negeri; Mesra Etnik Peringkat Zon

Bilangan Program : 51 program

Peruntukan : RM724,780.00

Jumlah Peruntukan 2005-2008 : **RM7,270,410.00**

Maklumat terperinci adalah seperti Lampiran I.

LAMPIRAN 1

PROGRAM TAHUN 2005

BIL.	PROGRAM	RINGKASAN AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH	BILANGAN		JUMLAH PERUNTUKAN
					PROGRAM	PESERTA	2005
1	**PROGRAM PENGGALAKKAN KEPIMPINAN DAN KEMASYARAKATAN** Seminar Sehari pendedahan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan	Memberi maklumat dan menarik minat kepada generasi muda khususnya yang tidak berpesatuan untuk menyertai persatuan dan kegiatan belia serta dapat mengikuti arus kepimpinan negara	Semua Daerah	April - Jun	113 pjk	16,950 org (150 org x 113 pjk) **1 hari**	508,500.00
2	**PROGRAM PENGGALAKKAN KEPIMPINAN DAN KEMASYARAKATAN** Expedisi Penggalakkan Kerja Belia	Memberi pengakuan pertama kepada generasi muda dalam kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan	Semua Negeri	Julai	15 pjk	4,500 org (300 org x 15 pjk) **2 hari**	337,500.00

BIL.	PROGRAM	RINGKASAN AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH	BILANGAN		JUMLAH PERUNTUKAN
					PROGRAM	PESERTA	2005
3	**PROGRAM PENGGALAKKAN KEPIMPINAN DAN KEMASYARAKATAN** Program Pembangunan Kepimpinan Melalui Media Massa	Program ini bertujuan untuk menyedia skrip dan penyelarasan penerbitan serta mesyuarat penyelarasan kerjasama dengan RTM/Swasta/KBS dan pelancaran program.	Peringkat Kebangsaan	Julai	1 pjk	**Sepanjang tahun**	410,564.00
4	**PROGRAM PENGGALAKKAN KEPIMPINAN DAN KEMASYARAKATAN** Program Belia Gemilang	Program ini bertujuan untuk memperkasakan jiwa dan minda remaja ke arah satu pendekatan pembangunan jati diri agar ianya selari dengan pembangunan negara abad ke 21. Para remaja akan ditanamkan dengan semangat cintakan negara, sayangkan pemimpin dan kasihkan kepada seluruh masyarakat tanpa mengira kulit, ras dan agama.	Semua Negeri	Mac - Ogos	30 pjk	3,000 org (100 org x 30 pjk) **10 hari**	1,713,900.00

BIL.	PROGRAM	RINGKASAN AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH	BILANGAN		JUMLAH PERUNTUKAN
					PROGRAM	PESERTA	2005
5.	Seminar Pembangunan dan Pengembangan Aktiviti Sahsiah	Program ini bertujuan untuk mendapat pandangan dan idea wakil-wakil pertubuhan/ persatuan, ahli akademik, kakitangan kerajaan, jabatan agama dan lain-lain bagi merangka strategi pelaksanaan aktiviti pembangunan sahsiah di kalangan belia dengan menarik dan berkesan.	Peringkat Kebangsaan	April	1 pjk	200 org **2 hari** (tidak bermalam)	51,000.00
6.	Seminar Kepimpinan Belia Islam Hadhari	Program ini dilaksanakan dengan kerjasama JBSN dengan tujuan untuk memberikan kefahaman berkaitan nilai-nilai unggul untuk membentuk kepimpinan belia yang berketrampilan, berwawasan dan mempunyai semangat cintakan agama, bangsa dan negara.	Negeri	Mac - Ogos	15 pjk	1,500 org (100 org x 15 pjk) **2 hari**	283,230.00

BIL.	PROGRAM	RINGKASAN AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH	BILANGAN		JUMLAH PERUNTUKAN
					PROGRAM	PESERTA	2005
7.	Multaqa Kepimpinan Belia Islam Kebangsaan	Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan belia dengan tujuan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran di Alaf Baru serta merencanakan hala tuju matlamat belia ke arah memberi penekanan tentang erti nilai kemerdekaan, patriotisme dan nasionalisme supaya dapat memahami realiti kehidupan bermasyarakat.	Kebangsaan	Septemb er	1 pjk	200 org **2 hari** (melibatkan tambang kapal terbang bagi SSL)	57,854.00
8.	Kem Belia Islam Cemerlang	Kem ini memberi pendedahan kepada belia Islam asas-asas penting Islam dari sudut Akidah, Syariat dan Akhlak secara teori dan praktikal untuk dihayatinya dalam kehidupan.	Daerah	April - Ogos	40 pjk	1,200 org (30 org x 40 pjk) **3 hari**	1,091,840.00

BIL.	PROGRAM	RINGKASAN AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH	BILANGAN		JUMLAH PERUNTUKAN
					PROGRAM	PESERTA	2005
			JUMLAH KESELURUHAN :				4,454,380.00

PROGRAM TAHUN 2006

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
1.	Seminar Islam Hadhari **Peringkat Daerah**	Memberi kefahaman tentang konsep Islam Hadhari	Ceramah, lawatan kajian, pembentangan kumpulan dan sidang pleno	55	APRIL – JULAI 2006	Daerah	2508	591,200.00
2.	Seminar Islam Hadhari **Peringkat Negeri**	Memberi kefahaman tentang konsep Islam Hadhari	Ceramah, lawatan kajian, pembentangan kumpulan dan sidang pleno	15	JUN 2006	Negeri	1167	139,350.00
3.	Penghayatan Maal Hijrah **Peringkat Negeri**	Mengajak Gol. Belia & masyrkt setempat hayati dan fahami peristiwa Maal Hijrah	Ceramah, Bacaan Doa Akhir tahun dan awal tahun baru &b. Karnival Bubur Asyura	15	FEBRUARI 2006	Negeri/ Daerah	21,451	150,000.00

BIL	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL.PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
4.	Penghayatan Maulidurrasul **Peringkat Negeri**	Mehayati & memahami peristiwa Maulidurrasul	Perarakkan Maulidurrasul, Pertandingan Nasyid dan Pengkisahan sejarah Rasulullah (SAW)	15	APRIL 2006	Negeri/ Daerah	11,750	120,000.00
6.	Penghayatan Nisfu Sya'ban **Peringkat Negeri**	Mehayati & memahami peristiwa Nisfu Sya'ban	Ceramah, Solat Berjamah, Bacaan Yassin dan tahlil.	15	OKTOBER 2006	Negeri/ Daerah	2102 *hanya 4 negeri	120,000.00

7.	Penghayatan Ibadah Qurban **Peringkat Negeri**	Mehayati & memahami konsep Ibadah Qurban.	Gotong royong penyembelihan daging Qurban.	15	31 DISEMBER 2006- 2 JANUARI 2007	Negeri/ Daerah	713	Menggunakan peruntukan Program Nisfu Sy'ban
8.	Konvensyen Islam Hadhari Belia **Peringkat Kebangsaan**	Memantapkan kefahaman serta menggalakkan proses asimilasi konsep Islam Hadhari di dalam gerakkan pertubuhan belia.	Ucapan perasmian, KSU, Dato'KP, Ucaptama oleh Pengarah IKIM danPembentangan kertas kerja daripada Ketua Polis Negara, Pensyarah dan Ahli akademi dan Sidang rumusan.	1	31 OKTOBER 2006	Dewan Besar IKIM Kuala Lumpur	232	43850.00

PROGRAM TAHUN 2007

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL.PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
1.	Bengkel Islam Hadhari Negeri **Peringkat Negeri**	Memantapkan kefahaman serta menggalakkan proses asimilasi konsep Islam Hadhari di dalam gerakkan pertubuhan belia.	Ucapan perasmian, KSU, Dato'KP, Ucaptama oleh Pengarah IKIM danPembentangan kertas kerja daripada Ketua Polis Negara, Pensyarah dan Ahli akademi dan Sidang rumusan.	15	Julai 2007	Semua Negeri	1200 orang	**221,850.00**
2.	Program Takwim Islam (Maal Hijrah) **Peringkat Negeri**	Mengajak Gol. Belia & masyrkt setempat hayati dan fahami peristiwa Maal Hijrah	Ceramah, Bacaan Doa Akhir tahun dan awal tahun baru &b Karnival Bubur Asyura	15	Mac 2007	Semua Negeri	1200 orang	**120,000.00**

BIL	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL.PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
3.	Penghayatan Ibadah Qurban **Peringkat Negeri**	Mehayati & memahami konsep Ibadah Qurban.	Gotong royong penyembelihan daging Qurban.	15	Disember 2007	Negeri/ Daerah	1500 orang	**150,000.00**
4.	Program Bina Sahsiah Belia Bersama Rancangan Halaqah	Memberi pengatuan ilmiah kepada semua umat islam berkenaan sesuatu tajuk tertentu.	Ceramah dan melibatkan penal- penal islam yang terdiri daripada golongan professional dan berpengetahuan luas mengenai setiap tajuk yang disampaikan. Program ini juga ditayangkan melalui siaran Halaqah TV 9.	5	Sept- Nov	Zon	Melebihi 8000 orang dan juga ditayangkan melalui siaran RTM.	**435,000.00**
			JUMLAH KESELURUHAN :					**926,850.00**

PROGRAM TAHUN 2008

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL.PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PENGAHAYATAN MAAL HIJRAH (KARNIVAL MAAL HIJRAH) **Peringkat Negeri**	Mengajak Gol. Belia & masyrkt setempat hayati dan fahami peristiwa Maal Hijrah	Ceramah, Bacaan Doa Akhir tahun dan awal tahun baru &b Karnival Bubur Asyura	15	Januari 2008	Negeri/ Daerah	7500 orang	RM 174,000.00
2.	Penghayatan Maulidurrasul **Peringkat Negeri**	Mehayati & memahami peristiwa Maulidurrasul	Perarakkan Maulidurrasul, Pertandingan Nasyid dan Pengkisahan sejarah Rasulullah (SAW)	15	MAC 2008	Negeri/ Daerah	1200 orang	RM 144,000.00
3.	Forum Perdana Hal Ehwal Islam **Peringkat**	Memberi pengatuan ilmiah kepada semua umat islam berkenaan ssesuatu	Ceramah dan melibatkan penal- penal islam yang terdiri daripada golongan professional dan	1	Januari 2008	Kenagsaan	Melebihi 8000 orang dan juga ditayangkan melalui siaran	RM 111,380.00

BIL	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
	Kebangsaan	tajuk tertentu.	berpengetahuan luas mengenai setiap tajuk yang disampaikan				RTM.	
4.	BENGKEL BELIA HADHARI **Peringkat Negeri**	Memantapkan kefahaman serta menggalakkan proses asimilasi konsep Islam Hadhari di dalam gerakkan pertubuhan belia.	Ucapan perasmian, KSU, Dato'KP, Ucaptama oleh Pengarah IKIM danPembentangan kertas kerja daripada Ketua Polis Negara, Pensyarah dan Ahli akademi dan Sidang rumusan.	15	JUN 2008	Setiap Negeri	1200 orang	RM 210,150.00
5.	MESRA ETNIK **Peringkat Zon**	Bagi merapat dan memantapkan keharmonian kaum khususnya dikalangan pelbagai generasi belia dan pribumi di Malaysia program ini juga	Ceramah, Suaimkenal dengan masyarakat orang asli, senamrobik, Sesi Dialog KBS bersama orang Asli, malam Kebudayaan Aktiviti Ziarah Mesra, Gotong Royong, Kembara. Program Anak	5	JUN 2008	Mengikut Zon	1000 orang	RM 85,250.00

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	AKTIVITI	JUMLAH PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
		dirancang supaya dapat menjadikan masyarakat malaysia hidup dalam keadaan aman harmoni.	Angkat.					

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit)
Tarikh Menjawab	:	13 Mei 2008 [Selasa]
Soalan	:	[No. 70] 11

Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah strategi atau bantuan Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti getah terutamanya di kalangan pekebun kecil luar Bandar di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Y.B., Kementerian ini telah merancang dan melaksanakan pelbagai program secara tersusun bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti getah negara. Bagi Negeri Sarawak, pembangunan industri getah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) memberi bantuan dari segi sokongan teknikal dan latihan kepada pekebun kecil dan kakitangan Jabatan Pertanian Sarawak.

Untuk makluman Y.B., Lembaga Getah Malaysia telah menubuhkan Pusat Pengembangan dan Pembangunan Pekebun Kecil di Sarawak. Pusat ini bertujuan untuk memberi kursus dan latihan kepada pekebun kecil dan kakitangan Jabatan Pertanian Sarawak untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang-bidang seperti pembiakan, pembajaan, penyelenggaraan, amalan agronomi, pemprosesan, sistem eksploitasi LITS dan pembukaan panel torehan getah. Di samping itu, LGM juga telah menubuhkan pusat pemprosesan getah secara mekanisasi atau bermotor di 19 lokasi di negeri Sarawak. Setiap pusat pemprosesan getah berkenaan dilengkapi dengan mesin-mesin pemprosesan getah bermotor yang membolehkan pekebun kecil menghasilkan getah keping yang lebih berkualiti. Melalui program ini, pekebun kecil akan memperoleh harga premium di antara 10% hingga 15% berbanding dengan kualiti sebelum ini.

No: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Datuk Siringan Bin Gubat (Ranau)
Tarikh Menjawab	:	13 Mei 2008 [Selasa]
Soalan	:	[No. 4] 12

Datuk Siringan Bin Gubat [Ranau] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan Sabah yang kehilangan pendapatan RM300 juta setiap tahun kerana dasar eksport minyak kelapa sawit yang mesti melalui di Semenanjung Malaysia. Apakah tindakan untuk menyelesaikan perkara tersebut yang merugikan negeri Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kenyataan bahawa eksport minyak sawit dari Sabah mesti melalui Semenanjung Malaysia adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2007 nilai eksport minyak sawit dan produk-produk sawit dari Sabah terus ke negara-negara luar bernilai RM13.7 bilion. Pada masa yang sama, nilai eksport dari Semenanjung Malaysia adalah RM27.5 bilion dan Sarawak RM4.0 bilion.

Produk-produk utama sawit yang telah dieksport dari Sabah meliputi minyak sawit mentah, minyak isirong sawit, oleokimia dan lain-lain produk berasaskan sawit.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS)

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS) MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH

PEMBINAAN R&R DI SEPANJANG JALAN PAN BORNEO DIJALANKAN.

JAWAPAN,

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PEMBINAAN R&R DI SEPANJANG JALAN PAN BORNEO YANG MENGHUBUNGKAN SABAH DAN SERAWAK MASIH BELUM DILAKSANAKAN. KEMENTERIAN INI SEDANG MENJALANKAN KAJIAN PENYEDIAAN PELAN INDUK PERHENTIAN REHAT DAN RAWAT(R&R) DI SEPANJANG LALUAN UTAMA JALAN PERSEKUTUAN DI MALAYSIA TERMASUKLAH DI LEBUHRAYA PAN BORNEO YANG DIJANGKA AKAN SIAP PADA TAHUN 2008.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, TERDSAPAT BEBERAPA TEMPAT HENTIAN SEDIA ADA YANG TELAH SIAP DIBINA DAN BEROPERASI DISEPANJANG LEBUHRAYA PAN BORMEO INI SEPERTI DI PERSIMPANGAN ULU LAYAR DAN SEBANGKOI YANG DIBINA OLEH KERAJAAN. PEMBINAAN TEMPAT PERHENTIAN BARU AKAN DIBINA TERTAKLUK KEPADA KESESUAIAN LOKASI BERDASARKAN KAJIAN YANG SEDANG DIJALANKAN INI.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [Batu Sapi] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan gaji minimum dalam usaha meningkatkan taraf hidup golongan pekerja di negara ini.

PR-1211-L11423

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpendapat masanya belum sesuai bagi Malaysia menetapkan kadar gaji minimum kebangsaan (*National Minimum Wage*). Dalam keadaan pasaran gunatenaga yang semakin terbuka berikutan proses globalisasi, penetapan kadar upah wajar ditentukan oleh kuasa pasaran (*market forces*) tertakluk kepada permintaan dan penawaran (*demand and supply*). Kerajaan yakin dengan cara demikian, kadar upah di negara ini akan lebih munasabah, realistik, kompetitif dan menguntungkan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat perihatin dan sentiasa berusaha menjaga dan melindungi hak dan kebajikan pekerja di negara ini. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga bertanggungjawab menentukan negara kita akan terus kekal kompetitif dalam persaingan dengan negara-negara lain khususnya dalam menarik pelaburan asing. Kemasukan pelaburan asing sangat diperlukan bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi negara dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baru.

Dalam hubungan ini, tindakan memperkenalkan kadar gaji minimum kebangsaan boleh mengurangkan daya saing negara sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi para pelabur asing. Penetapan kadar gaji minimum akan memberi kesan langsung kepada para pelabur dari segi peningkatan kos menjalankan perniagaan (cost of doing business) di negara ini dan seterusnya akan menjejaskan daya saing produk keluaran mereka di pasaran eksport. Jika ini berlaku, ia bukan sahaja boleh mengurangkan kemasukan pelaburan asing ke negara ini malah boleh menyebabkan pengaliran keluar pelabur-pelabur sedia ada ke negara lain.

Tuan Yang Di Pertua,

Kedudukan Malaysia di tempat ke-23 dari aspek daya saing dunia pada tahun 2007 berdasarkan kepada laporan *Institute for Management Development* (IMD), *World Competitiveness Yearbook* perlu diperbaiki atau paling tidak pun dipertahankan. Untuk itu, Kerajaan berpendapat sebarang langkah memperkenalkan peraturan-peraturan baru yang boleh membawa kepada elemen peningkatan kos menjalankan perniagaan, perlu dielakkan.

Kerajaan sedar bahawa peningkatan kadar upah dan lain-lain kos menjalankan perniagaan boleh berlaku walaupun tiada penetapan kadar gaji minimum. Walau bagaimanapun, kenaikan kos tersebut perlu diseimbangkan dengan peningkatan produktiviti. Selaras dengan itu dan bersesuaian dengan agenda pembangunan negara dan tanggungjawab menjaga hak dan kepentingan para pekerja di negara ini, Kerajaan sedang mempromosikan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (*Productivity Linked Wages System* – PLWS). Dasar ini bertujuan untuk menentukan para pekerja dibayar kadar upah yang lebih saksama berdasarkan produktiviti atau penghasilan kerja sebenar dan dalam masa yang sama pihak majikan juga mendapat faedah dalam bentuk penghasilan produk yang lebih tinggi dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua

Sungguhpun negara tidak mempunyai kadar gaji minimum kebangsaan, golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor-sektor yang tidak

mempunyai satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan, masih terbela. Kerajaan boleh membantu golongan ini melalui penubuhan Majlis Penetapan Gaji (MPG) di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia mengeluarkan perintah supaya ditubuhkan Majlis Penetapan Gaji (MPG) bagi kumpulan pekerjaan tertentu.

Pada masa ini Kerajaan telah menubuhkan 7 MPG yang akan mengemukakan cadangan gaji minimum dan syarat-syarat pekerjaan bagi golongan pekerja dalam sektor-sektor yang ditentukan kepada Menteri Sumber Manusia. Perakuan-perakuan tersebut apabila dipersetujui akan digazetkan sebagai Perintah Peraturan Gaji yang perlu diikuti oleh majikan-majikan dalam sektor yang terlibat.

AW:15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN FONG PO KUAN**
TARIKH	:	**13 MEI 2008 (SELASA)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO. 15**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti masih enggan dibentangkan di Parlimen untuk memberi kelonggaran kepada para pelajar Universiti melibatkan diri di dalam politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, deraf kajian cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) telah memasuki fasa akhir. Kementerian menjangkakan akan membentangkan deraf tersebut di Mesyuarat Parlimen yang akan datang.

Memandangkan AUKU 1971 adalah suatu Akta yang amat sensitif sifatnya dan mendapat perhatian semua pihak sama ada parti politik, pelajar, pensyarah, ibu bapa atau masyarakat amnya, maka proses pindaan AUKU sudah pasti akan mengambil masa yang agak lama. Maka adalah tidak tepat jika dikatakan Kementerian enggan membentangkan pindaan AUKU di Parlimen.

Pindaan AUKU mesti diperhalusi dengan mengambil kira setiap sudut penilaian dan kepentingan *"stakeholders"*. Kementerian tidak mahu nanti apabila AUKU dipinda akan timbul ketidakpuasan hati ibu bapa yang pada hemat Kementerian lebih mengharapkan anak mereka menimba ilmu dan tidak terlibat dengan parti politik atau sebagainya yang boleh mengakibatkan kegagalan dalam pengajian di universiti.

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan kenaikan perangkaan penduduk mengikut kaum dan negeri dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu hingga 2007 serta bilangan orang asing yang telah diiktiraf sebagai rakyat Malaysia mengikut tahun yang dimaksudkan.

JAWAPAN:

(i) Bilangan penduduk Malaysia pada tahun 2002 adalah 24.5 juta dan telah meningkat kepada 27.2 juta pada tahun 2007 dengan peningkatan sebanyak 10.8 peratus iaitu sebanyak 2.6 juta penduduk dalam tempoh 5 tahun **(rujuk Lampiran 1)**.

(ii) Pada tahun 2002, bilangan penduduk mengikut kaum adalah Bumiputera 15.0 juta, Cina 5.9 juta, India 1.8 juta dan etnik Lain-lain 0.29 juta manakala bilangan penduduk bagi tahun 2007 adalah Bumiputera 16.8 juta, Cina 6.3 juta, India 1.9 juta dan etnik Lain-lain 0.33 juta. Dalam tempoh tersebut, penduduk Bumiputera telah meningkat sebanyak 11.7 peratus, penduduk Cina 6.2 peratus dan penduduk India 7.5 peratus.

(iii) Dalam tempoh lima tahun iaitu tahun 2002 sehingga 2007 adalah seramai 6,210 warga asing diiktiraf sebagai Warganegara Malaysia **(rujuk Lampiran 1).**

Lampiran 1

MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

Penduduk mengikut kumpulan etnik, MALAYSIA, 2002-2007 ('000)

Tahun	Jumlah	Warganegara Malaysia					Bukan Warganegara Malaysia
		Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
2002	24,526.5	22,970.9	15,009.3	5,920.2	1,751.9	289.5	1,555.6
2003	25,048.3	23,424.4	15,351.2	5,997.0	1,779.3	296.9	1,623.9
2004	25,580.9	23,887.1	15,701.4	6,074.6	1,806.8	304.3	1,693.8
2005	26,127.7	24,362.0	16,060.5	6,154.9	1,834.8	311.8	1,765.7
2006	26,640.2	24,803.5	16,406.5	6,219.6	1,858.5	318.9	1,836.7
2007	27,173.7	25,265.9	16,768.0	6,287.9	1,883.9	326.1	1,907.8
Perubahan (%)	**10.8**	**10.0**	**11.7**	**6.2**	**7.5**	**12.6**	**22.6**

Penduduk mengikut negeri, 2002 dan 2007 ('000)

Negeri	2002	2007	Perubahan (%)
Johor	2,891.8	3,240.9	**12.1**
Kedah	1,743.1	1,918.7	**10.1**
Kelantan	1,424.7	1,560.5	**9.5**
Melaka	674.0	738.8	**9.6**
Negeri Sembilan	897.4	978.2	**9.0**
Pahang	1,346.1	1,483.6	**10.2**
Pulau Pinang	1,390.3	1,518.5	**9.2**
Perak	2,162.2	2,314.6	**7.0**
Perlis	214.5	231.9	**8.1**
Selangor	4,388.9	4,961.6	**13.0**
Terengganu	943.2	1,067.9	**13.2**
W.P. Kuala Lumpur	1,474.3	1,604.4	**8.8**
Sabah	2,730.1	3,063.6	**12.2**
Sarawak	2,166.8	2,404.2	**11.0**
W.P. Labuan	79.1	86.3	**9.1**
Malaysia	**24,526.5**	**27,173.7**	**10.8**

Punca : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : Unjuran penduduk berasaskan kepada Banci Penduduk 2000.

STATISTIK PENGELUARAN SIJIL WARGANEGARA BAGI TAHUN 2002 SEHINGGA 2007

TAHUN	JUMLAH
2002	538
2003	422
2004	1,156
2005	1,253
2006	678
2007	2,163
JUMLAH	**6,210**

Punca : Jabatan Pendaftaran Negara

NO: 17

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEDUA BELAS DEWAN RAKYAT

SOALAN JAWAPAN LISAN

TARIKH : 13 Mei 2008

SOALAN : Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT) minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga kini berapa jumlah aduan telah diterima oleh beliau di dalam www.warkahuntukpm.com.my dan selain daripada jawapan automatik emel (automatic computer generated response), berapa aduan rakyat telah di selesai oleh beliau.

JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 24 April 2008, sebanyak 2607 aduan diterima oleh laman web ini dengan 1196 (46%) telah diselesaikan. Bakinya sebanyak 1411 sedang diambil tindakan oleh Kementerian/Negeri. Jumlah ini akan berubah kerana laman web ini masih terus dibuka kepada rakyat untuk menyalurkan masalah mereka. Biro Pengaduan Awam (BPA) telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan memastikan setiap aduan dijawab oleh agensi yang berkaitan.

SOALAN NO : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM**
		[SERIAN]
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
SOALAN	:	

Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Poliklinik Serian akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan merancang untuk melaksanakan pembinaan Klinik Kesihatan Serian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini dijangka hanya akan dapat dilaksanakan selepas selesai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

NO:19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**13.05.2008**
SOALAN NO	:	**19**

Soalan: TUAN TONY PUA KIAM WEE (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah Kerajaan untuk menghadapi masalah kekurangan hasil daripada pendapatan industri minyak apabila Malaysia menjadi sebuah negara pengimport minyak dalam 2-3 tahun dan kehabisan rizab minyak dalam masa 19 tahun.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2007, rizab minyak negara terus bertambah kepada 5.35 bilion tong atau mempunyai jangka hayat selama 22 tahun berikutan penemuan beberapa telaga minyak laut dalam di pesisiran luar Sabah, termasuk Kikeh.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tahap pengeluaran semasa dan jangkaan permintaan yang meningkat, Malaysia dijangka akan menjadi negara pengimport bersih (net importer) petroleum terutamanya minyak petrol dan diesel pada tahun 2011 di mana permintaan domestik dijangka melebihi pengeluaran.

Pada tahun 2007, hasil Kerajaan berasaskan petroleum telah meningkat kepada RM51,114 juta berikutan dengan harga minyak yang tinggi, secara purata USD78.40 setong. Hasil minyak negara menyumbang 36.5% kepada jumlah hasil keseluruhan iaitu RM139,885 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar akan pandangan umum bahawa dengan harga minyak yang semakin tinggi, keuntungan PETRONAS juga semakin bertambah dan keuntungan tersebut boleh digunakan untuk membiayai subsidi.

Walau bagaimanapun, petroleum merupakan sumber asli yang semakin berkurangan. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita sentiasa mengambil langkah berhemat dalam membelanjakan hasil petroleum untuk memberikan manfaat yang semaksimum mungkin bukan sahaja kepada generasi sekarang malah generasi akan datang *(inter-generational equity)*. Antara langkah yang diambil untuk faedah generasi akan datang termasuklah

sumbangan tahunan sebanyak RM100 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN).

Kita juga perlu menggunakan sumber minyak dengan sebaik mungkin dan mengurangkan pembazirannya. Sebagai contoh, penggunaan pengangkutan awam adalah digalakkan kerana ia bukan sahaja dapat menjimatkan petrol tetapi juga mengurangkan pencemaran udara. Subsidi bahan petroleum kini berjumlah RM45 bilion. Kerajaan sedang mengkaji semula mekanisme pemberian subsidi bagi mengelakkan ketirisan dan memastikan ianya memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Hasil berkaitan petroleum akan terus dibelanjakan dengan bijak bagi meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara. Kita akan terus mengembangkan bina-upaya *(capacity building)* negara melalui pelaburan dalam infrastruktur fizikal dan meningkatkan lagi pembangunan modal insan dengan penekanan diberikan kepada peningkatan *soft-skill*. Sumber pertumbuhan baru juga diperkembangkan termasuklah dalam sektor perkhidmatan terutamanya perbankan Islam, hab halal dan *out sourcing*. Sektor pertanian akan terus dimodenkan melalui kegiatan meningkatkan pengeluaran, menambah nilai dan penggunaan teknologi terkini. Sementara itu,

pembangunan Wilayah-Wilayah Ekonomi Koridor Johor Selatan, Utara, Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak akan dipergiatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk memastikan hasil yang berterusan dan stabil, PETRONAS akan mempergiatkan lagi pengeluaran dan aktiviti cari gali minyak dan gas dalam negeri dan juga luar negara. Pelaburan akan terus dijalankan untuk menaik taraf dan membaik pulih kemudahan sedia ada dan membina kemudahan baru untuk mengekalkan tahap pengeluaran minyak negara. Di samping itu, PETRONAS akan terus menyalurkan pelaburan dalam aktiviti logistik dan maritim serta perniagaan seperti petrokimia, minyak, gas dan harta tanah.

SOALAN 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah terdapat kuota berasaskan perkauman dalam proses pelantikan hakim-hakim dalam negara ini dan sekiranya tidak kenapa jumlah hakim-hakim berbangsa Cina dan India sangat kurang di negara ini.

JAWAPAN

Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan kuota berasaskan kaum untuk pelantikan hakim-hakim. Kekurangan bilangan hakim-hakim daripada kaum Cina dan India di Semenanjung Malaysia pada masa ini adalah kerana kebanyakan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dilantik daripada Pegawai-Pegawai Kehakiman dan Perundangan yang kebanyakannya terdiri daripada keturunan Melayu. Di Sabah dan Sarawak, di mana kebanyakan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dilantik daripada kalangan peguam-peguam, peratusan hakim-hakim keturunan Cina adalah lebih tinggi.

Kebanyakan peguam-peguam keturunan India dan Cina yang sesuai dan layak dilantik menjadi hakim tidak berminat menjadi hakim kerana gaji hakim amat rendah berbanding dengan pendapatan mereka. Mereka juga tidak sukakan kehidupan hakim-hakim yang kurang bebas dan menyekat pergaulan mereka.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN : 24

YB Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kenyataan bahawa prestasi perkhidmatan meningkat telah mengambil kira tahap kesedaran mereka dalam berterima kasih atas kenaikan gaji sehingga 40% pada tahun 2007 sedangkan mereka masih menuntut pemberian sagu hati RM 2000 tahun ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Prestasi Perkhidmatan Awam telah meningkat sejajar dengan usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti "*service delivery*". Pegawai-pegawai awam secara umumnya berterima kasih atas penghargaan Kerajaan memberi kenaikan gaji kepada pegawai awam pada tahun 2007 dan telah menjadikan kenaikan gaji ini sebagai dorongan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

NO. SOALAN:

Prestasi perkhidmatan awam telah pun menunjukkan peningkatan yang ketara berikutan penambahbaikan dari segi proses kerja sektor awam yang semakin cekap. Ini terbukti dalam laporan *World Competitiveness Yearbook* oleh *International Institute For Management Development* (IMD), Malaysia diletakkan di tangga ke 6 bagi Tahap Kecekapan Kerajaan (*Government Efficiency*) untuk tahun 2007 berbanding tangga ke-8 pada tahun 2000.

SOALAN NO. (22)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y. B. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada seorang Ahli Parlimen boleh menggunakan kemudahan awam seperti dewan dan padang (di bawah penyelenggaraan PBT) untuk kegunaan bertemu dengan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kemudahan awam di bawah penyelenggaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah terbuka untuk kegunaan semua pihak dan ini termasuklah kepada Ahli Parlimen. Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap kemudahan yang telah disediakan dapat digunakan secara optima untuk faedah rakyat. Ahli Parlimen boleh memohon kepada PBT yang berkenaan untuk menggunakan kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya penggunaan kemudahan awam tersebut adalah bagi tujuan perjumpaan ataupun perhimpunan yang melibatkan aktiviti penyampaian ceramah, maka pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu dihubungi bagi menentukan sama ada permit perlu diperolehi ataupun tidak.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

Soalan NO: 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT YANG KEDUA BELAS
PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT PERTAMA
2008

TARIKH: 13 MEI 2008

Soalan:

Dato' Mohd Hatta Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Negara Kosovo yang baru merdeka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

Perdana Menteri Kosovo, Encik Hashim Thaci telah membuat Perisytiharan Kemerdekaan Kosovo pada hari Ahad, 17 Februari 2008 dalam satu sidang luar biasa Dewan Kosovo *(Kosovo Assembly)*. Serbia merupakan negara pewaris mutlak bekas Yugoslavia dan Kosovo yang sebelum ini adalah sebahagian daripada Serbia. Reaksi Kerajaan Serbia seperti yang diduga menganggap Perisytiharan Kemerdekaan Kosovo secara unilateral sebagai batal dan tidak sah *(null and void)*.

Tuan Yang Di-Pertua

Setakat ini sejumlah 36 negara telah memberi pengiktirafan kepada Kosovo. Antara negara-negara anggota OIC yang telah mengiktiraf kemerdekaan Kosovo adalah Afghanistan, Albania, Senegal dan Turki.

Malaysia mengalu-alukan kemerdekaan Kosovo pada 20 Februari 2008. Malaysia percaya pengisytiharan kemerdekaan ini memenuhi aspirasi rakyat Kosovo dan menjamin hak semua rakyat untuk hidup dalam keadaan aman, bebas dan stabil. Malaysia menyeru supaya semua pihak terus bekerjasama untuk menjamin kedamaian dan kestabilan Kosovo dan rantau Balkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia akan terus meneliti dan memantau perkembangan dan situasi di Kosovo. Negara Kosovo sedang dalam proses mewujudkan institusi-institusi kerajaannya. Kerajaan akan menilai perkembangan-perkembangan ini dan membuat keputusan yang sewajarnya nanti berkenaan hubungan diplomatik dan penyelesaian hubungan diplomatik dengan negara Kosovo.

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)**
TARIKH	:	**13.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Sekolah Agama di kawasan Parlimen Silam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini keperluan untuk membina Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) tambahan di Sabah belum begitu mendesak kerana negeri itu sudah ada 10 buah SMKA temasuk 2 buah SMKA Rakyat yang telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, KPM akan meningkatkan keselesaan dan kemudahan di SMKA dengan menyediakan bangunan tambahan, gantian atau ubahsuai bagi menaiktaraf sekolah. Di Sabah juga terdapat 16 projek yang melibatkan SMKA sedia ada telah dilaksanakan. Selain daripada itu, sebuah sekolah agama lagi iaitu SMKA Keningau juga telah diluluskan untuk dibina di bawah RMKe-9.

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION (MACHANG)**
TARIKH	:	**13 MEI 2008 (SELASA)**

SOALAN.

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia masih belum mewajibkan syarikat-syarikat automotif nasional, PROTON dan PERODUA, serta syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai lesen pemasangan kenderaan, untuk memasang enjin hibrid yang menjimatkan penggunaan petroleum, seperti yang telah dilakukan oleh TOYOTA dan HONDA di Jepun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) menggalakkan pemasangan kenderaan bagi pasaran dengan izin, *niche* sebagai pelengkap kepada model-model kenderaan sedia ada. Keluaran yang digalakkan termasuklah kenderaan hibrid, elektrik, biodiesel dan NGV. Ketika ini, pengecualian duti import ke atas peralatan untuk mengubahsuai kenderaan diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi kenderaan NGV.

Pengurangan cukai jalan antara 25 peratus dan 50 peratus daripada kadar semasa turut diberikan kepada kenderaan *monogas*, *bi-fuel* dan *dual-fuel*.

PROTON juga telah menyediakan teknologi yang lebih praktikal dan ekonomikal dalam menjimatkan penggunaan petrol. Sebagai contoh, dengan izin, teknologi *Variable Valve Timing* dan kaedah penggunaan bahan api alternatif seperti NGV, diesel dan bio-fuel adalah lebih praktikal untuk dilaksanakan dalam langkamasa terdekat.

PROTON dengan anak syarikat milik penuhnya, Lotus Engineering sedang menjalankan penyelidikan dan pembangunan enjin hibrid yang masih dalam peringkat percubaan.

Ketika ini, harga pasaran bagi kenderaan hibrid adalah lebih tinggi antara 30 peratus hingga 40 peratus berbanding kenderaan yang menggunakan petrol. Terpulang kepada syarikat-syarikat automotif tempatan untuk mengeluarkan model-model kenderaan berdasarkan faktor-faktor ekonomik dan komersil masing-masing

****

NO. SOALAN : 2826

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan jumlah wang yang diagihkan melalui Ahli Parlimen dan negeri, bagaimanakah dan kepada siapakah wang ini diagihkan di kawasan Parlimen Ipoh Barat, Ipoh Timur dan Batu Gajah.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua, pada tahun 2007 peruntukan sebanyak RM1.0 juta telah disediakan untuk setiap kawasan Parlimen di bawah peruntukan khas Y.A.B. Perdana Menteri. Peruntukan ini telah dibelanjakan mengikut peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa untuk faedah rakyat. Pada tahun yang sama, sebanyak 148 projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Ipoh Barat, sebanyak 142 projek di kawasan Parlimen Ipoh Timur dan sebanyak 116 projek di kawasan Parlimen Batu Gajah. Manakala bagi tahun 2008 sehingga kini sebanyak 92 projek bernilai RM1.0 juta telah dibelanjakan di kawasan Ipoh Barat, sebanyak 88 projek bernilai RM1.0 juta di Kawasan Ipoh Timur dan sebanyak 74 projek bernilai RM997,100.00 di Kawasan Batu Gajah.

Tuan Yang Dipertua, penerima faedah projek ini terdiri daripada rakyat pelbagai kaum yang menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan atau dinaiktarafkan meliputi projek-projek kecil seperti kemudahan infrastruktur asas, infrastruktur awam, masjid dan surau serta program/pemberian

/sumbangan kepada Persatuan IbuBapa dan Guru (PIBG), golongan orang kurang upaya (OKU), Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan-persatuan penduduk, pertubuhan anak yatim dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Bilangan dan nilai projek mengikut kategori/penerima faedah bagi kawasan Parlimen Ipoh Barat, Ipoh Timur dan Batu Gajah adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 seperti berikut.

PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN 2007 - 2008

Jadual 1

IPOH BARAT				
KATEGORI/PENERIMA AGIHAN	TAHUN 2007		TAHUN 2008	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
1. Infrastuktur Awam	8	74,765.00	4	40,000.00
2. Infrastruktur Asas	-	-	-	-
3. Masjid/Surau	-	-	1	21,916.00
4. Pusat Khidmat	1	50,000.00	1	50,000.00
5. PIBG	19	114,350.00	18	244,180.00
6. OKU	22	179,000.00	2	15,000.00
7. JKKK	13	115,050.00	13	111,930.00
8. Persatuan Penduduk	44	214,550.00	20	171,000.00
9. Anak Yatim	11	46,000.00	1	5,000.00
10. NGO yang lain	30	206,285.00	32	340,974.00
JUMLAH	**148**	**1,000,000.00**	**92**	**1,000,000.00**

Jadual 2

IPOH TIMUR				
KATEGORI/PENERIMA AGIHAN	TAHUN 2007		TAHUN 2008	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
1. Infrastuktur Awam	7	35,800.00	4	52,300.00
2. Infrastruktur Asas	4	70,000.00	7	91,600.00
3. Masjid/Surau	-	-	-	-
4. Pusat Khidmat	1	50,000.00	2	100,000.00
5. PIBG	15	142,000.00	10	146,900.00
6. OKU	17	116,000.00	3	35,000.00
7. JKKK	15	125,720.00	25	247,600.00
8. Persatuan Penduduk	33	166,480.00	13	142,000.00
9. Anak Yatim	3	60,000.00	-	-
10. NGO yang lain	47	234,000.00	24	184,600.00
JUMLAH	**142**	**1,000,000.00**	**88**	**1,000,000.00**

Jadual 3

BATU GAJAH				
KATEGORI/PENERIMA AGIHAN	TAHUN 2007		TAHUN 2008	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
1. Infrastuktur Awam	7	68,000.00	6	82,800.00
2. Infrastruktur Asas	2	110,000.00	13	303,200.00
3. Masjid/Surau	1	45,000.00	-	-
4. Pusat Khidmat	1	50,000.00	2	100,000.00
5. PIBG	21	123,000.00	4	45,000.00
6. OKU	12	110,000.00	1	10,000.00
7. JKKK	25	176,700.00	15	83,100.00
8. Persatuan Penduduk	32	217,800.00	17	201,000.00
9. Anak Yatim	3	18,500.00	1	20,000.00
10. NGO	12	81,000.00	15	152,000.00
JUMLAH	**116**	**1,000,000.00**	**74**	**997,100.00**

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sasaran, objektif serta jangka waktu perlaksanaan ke semua Koridor yang dilancarkan olehnya akan dikaji semula sesuai dengan perubahan landskap politik masa kini. Adakah akan dirombak serta dikaji penglibatan Kerajaan Negeri dalam perlaksanaan serta perancangannya demi memastikan kejayaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha` Kerajaan memperkenalkan inisiatif Koridor-Koridor Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini akan diteruskan walaupun terdapat sedikit perubahan terhadap landskap politik negara pada masa kini. Ini adalah kerana Kerajaan tidak menjangkakan perubahan landskap politik akan menjadi satu halangan besar kepada

pelaksanaan inisiatif pembangunan Koridor kerana projek pembangunan Koridor ini adalah untuk meningkatkan pembangunan serta taraf hidup rakyat di negeri-negeri berkenaan. Dalam erti kata lain, inisiatif Koridor yang dilancarkan adalah untuk faedah negeri-negeri tersebut juga. Oleh itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula sasaran, objektif serta jangka waktu pelaksanaannya seperti mana terkandung dalam Pelan-Pelan Induk Koridor masing-masing kerana langkah ini akan merugikan masa malah bermungkinan akan mempunyai implikasi kewangan yang tinggi sekiranya perubahan dibuat. Apa yang penting sekarang adalah untuk melaksanakan program dan projek yang telah dikenalpasti oleh Pelan-Pelan Induk tersebut terutamanya projek-projek yang mesra rakyat atau dengan izin, *people-centric* iaitu projek-projek yang dapat memberi impak lansung kepada rakyat supaya faedah daripada pembangunan koridor-koridor dapat dinikmati segera oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kerajaan juga tidak bercadang untuk merombak apa-apa bentuk kerjasama serta penglibatan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan serta perancangan setiap koridor. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa penglibatan dan kerjasama oleh semua Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkaitan adalah penting demi memastikan kejayaannya. Maka dalam hal ini, Kerajaan hanya perlu menyelaras pelaksanaan setiap projek yang dicadangkan di bawah Koridor ini dengan setiap negeri yang berkaitan. Dan sebagai langkah mengelakkan timbulnya masalah pelaksanaan di kemudian hari, Kerajaan juga akan

menyusul atau merujuk semula perancangan semua program dan projek yang dirancang dalam Koridor dengan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat, sebelum projek-projek di negeri-negeri tersebut dilaksanakan. Dalam menjayakan pembangunan koridor-koridor pertumbuhan, seperti mana telah dinyatakan sebelum ini, Kerajaan tidak akan membeza-bezakan fahaman politik kerana apa yang diinginkan daripada usaha murni Kerajaan melaksanakan inisiatif koridor ini akhirnya ialah untuk membawa pembangunan yang lebih pesat dan meningkatkan taraf hidup rakyat ke satu tahap yang lebih tinggi. Kerajaan juga percaya bahawa Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan akan memberi kerjasama yang sewajarnya bagi memajukan pembangunan yang dirancang di semua Koridor ini.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

TARIKH: 13 MEI 2008

SOALAN:

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [Parit] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tindakan dan perancangan bagi mengatasi masalah pengangguran terutamanya bagi golongan muda di dalam negara.

PR-1211-L11686

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran yang dilaporkan pada tahun 2007 adalah 3.2% atau seramai 351,400 penganggur. Bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membantu penganggur mendapatkan pekerjaan, Kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan penganggur seperti berikut:

a) Kementerian menyediakan sistem Bursa Pasaran Buruh (ELX) bagi menarik lebih ramai pencari kerja termasuk golongan muda untuk mendaftar dengan sistem tersebut, di mana pencari kerja boleh dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh Syarikat-syarikat dalam sistem tersebut. Untuk memudahkan mereka mendaftar di dalam sistem ELX, Kementerian menganjurkan karnival pekerjaan di seluruh negara. Semasa karnival pekerjaan, pencari-pencari kerja boleh mendaftar terus dalam sistem tersebut. Di samping itu, penyertaan majikan yang mempunyai kekosongan jawatan semasa karnival membolehkan pencari kerja memohon pekerjaan dan

ditemuduga secara terus oleh majikan-majikan berkenaan. Bagi tempoh 1 Januari 2004 hingga 8 Mei 2008, seramai 53,903 pendaftar telah berjaya mendapat pekerjaan.

b) Mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada pencari kerja bagi memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa di samping panduan bagaimana menghadapi temuduga. Selain itu, sikap positif terhadap pekerjaan turut diberi penekanan dalam program ini supaya sikap terlalu memilih kerja yang mana merupakan salah satu punca pengangguran dapat dikikis.

c) Menyediakan latihan kemahiran jangka pendek dan jangka panjang melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang lebih fokus kepada belia lepasan sekolah. Latihan kemahiran di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan yang ditawarkan ini juga merupakan salah satu usaha KSM untuk menyediakan belia yang berkemahiran, berinovatif dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan dalam kehidupan mereka supaya mengurangkan pergantungan kepada sektor penggajian sahaja.

d) Mengadakan **kerjasama dan dialog** dari semasa ke semasa dengan pihak industri yang antara lainnya bagi memastikan kursus-kursus yang dijalankan di ILJTM memenuhi keperluan industri dan pasaran pekerjaan di samping meningkatkan kebolehkerjaan (employability) pelatih.

e) **Menyebarkan maklumat pekerjaan** melalui *Career Information Centre (CIC)* dalam laman web Kementerian. CIC ialah Pusat Bimbingan Kerjaya berfungsi sebagai Pusat Setempat bagi semua pencari kerja sebagai persediaan melengkapkan diri untuk mencari kerja. Ia juga berperanan untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada pencari kerja.

f) Kerajaan juga telah melaksanakan Skim Perantisan sejak 1996 bagi melahirkan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh majikan atau industri sekaligus mengurangkan pengangguran di kalangan

belia dalam negara. Kaedah latihan skim ini adalah berdasarkan *off the job* di premis penyedia latihan dan diikuti dengan latihan *on the job* di premis majikan. Sejak dilancarkan skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan belia dan sehingga 31 Mac 2008 seramai 9,282 pelatih telah dan sedang dilatih di bawah skim ini.

SOALAN NO : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**
TARIKH	:	**13.5.2008**
SOALAN	:	

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kes pembedahan jantung di hospital-hospital Kerajaan termasuk di Institut Jantung Negara untuk pesakit-pesakit pediatrik pada tahun 2005, 2006 dan 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat yang sama bertarikh 22 Mei 2008 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2005, kes pembedahan jantung pediatrik di hospital-hospital Kerajaan termasuk di Institut Jantung Negara (IJN) adalah sebanyak 143 kes di Hospital Kerajaan dan sebanyak 650 kes di IJN. Pada tahun 2006, sejumlah 182 kes pembedahan jantung telah dilakukan di hospital Kerajaan dan 712 kes dilakukan di IJN. Pada tahun 2007, sejumlah 157 kes pembedahan telah dilakukan di hospital Kerajaan dan sejumlah 641 kes pembedahan dilakukan di IJN. Hospital Kerajaan hanya menjalankan kes-kes pembedahan jantung yang tidak terlalu kompleks memandangkan pada masa ini, tiada pakar bedah jantung kanak-kanak di hospital Kerajaan. Kes jantung kanak-kanak didefinisikan sebagai pesakit yang berumur 12 tahun ke bawah.

Pada masa ini, di hospital-hospital Kerajaan, kos pembedahan jantung pediatrik yang dikenakan adalah mengikut caj seperti yang termaktub dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982. Caj untuk pembedahan jantung bagi kanak-kanak sekolah adalah percuma bagi Kelas 3 sementara bagi pembedahan terhadap kanak-kanak yang belum bersekolah, bayaran maksimum adalah sebanyak RM 200 untuk sebarang jenis pembedahan. Kos pembedahan di hospital swasta dan juga di IJN, kos adalah bergantung kepada kompleksiti kes. Bagi pesakit jantung kanak-kanak yang menjalani rawatan pembedahan di IJN dari golongan miskin, bayaran adalah ditanggung kerajaan sementara bayaran untuk kes-kes bukan golongan miskin di IJN, kos purata adalah dari RM12,000 untuk kes yang ringan dan lebih kurang RM 15,000 hingga RM 30,000 untuk kes-kes kompleks. Kos pembedahan jantung pediatrik di IJN adalah lebih rendah

berbanding di hospital swasta lain. Di hospital swasta pula, kos pembedahan adalah sekitar RM 20,000 hingga RM 30,000.

Kos pembedahan jantung pediatrik sememangnya tinggi di mana-mana negara memandangkan pembedahan adalah rumit dan memerlukan tahap kepakaran tinggi sama ada dari pihak pakar bedah yang melakukan pembedahan, pakar bius yang memberikan perkhidmatan pembiusan malah kakitangan sokongan yang terlibat. Mereka semuanya memerlukan latihan yang intensif dan komprehensif bagi menangani kes pembedahan jantung pediatrik. Tambahan pula, kos peralatan dan instrumen canggih yang digunakan mengikut saiz serta berat badan kanak-kanak yang akan menjalani pembedahan perlu di ambil kira termasuk keperluan konsumabel, ubat-ubatan, kemudahan rawatan rapi dan lain-lain lagi.

SOALAN NO. (30)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y. B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memulihkan imej Majlis-Majlis Perbandaran dan Bandaraya Tempatan dari segi mutu kerja, kecekapan, ketelusan dan bersih dari rasuah; dan

(b) bilakah Kerajaan akan melaksanakan Pilihanraya Majlis Perbandaran/Bandaraya Tempatan untuk menjadikan Majlis-majlis ini bertanggungjawab kepada rakyat dan pembayar cukai.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Jawapan bagi Soalan Bahagian (a),

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum terdapat segelintir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak dapat memberikan perkhidmatan seperti yang diharapkan. Walau bagaimanapun kelemahan segelintir PBT ini tidak boleh mencerminkan keseluruhan imej PBT di negara ini. KPKT selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal kemajuan PBT di negara ini sedang dan telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan lagi imej PBT di negara ini. Di antara langkah-langkah yang sedang dan telah diambil termasuklah :

1. mewujudkan Pusat Setempat ataupun OSC bagi menambahbaik proses dan prosedur permohonan pembangunan hartanah;

2. memperkenalkan pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang dikeluarkan oleh para profesional bagi menggantikan pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CFO) yang dikeluarkan oleh PBT;

3. melaksanakan ISO bagi proses dan prosedur bagi tugas-tugas utama ataupun *core business* PBT;

4. program ePBT;

5. melaksanakann program kualiti seperti *benchmarking*, piagam pelanggan, manual prosedur kerja, fail meja dan lain-lain.

6. menambahbaik perkhidmatan pelanggan;

7. menyediakan garis panduan kepada PBT seperti Garis Panduan Penambahbaikan Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit hotel;

8. kursus dan latihan untuk sekurang-kurangnya 7 hari setahun;

9. arahan, peraturan dan pekeliling perkhidmatan awam;

10. penyertaan masyarakat seperti penubuhan Jawatankuasa Penduduk dan penglibatan dalam Program Local Agenda (LA 21).

Kesemua perkara yang dinyatakan di atas akan dinilai melalui pelaksanaan Sistem Star Rating PBT (SSR-PBT). PBT yang mendapat *rating* yang rendah akan dibantu supaya PBT berkenaan dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan mereka manakala PBT yang mendapat *rating* yang tinggi akan dijadikan contoh ataupun *benchmark* kepada PBT yang lain.

Selain itu, kebanyakan PBT di negara ini menghadapi masalah dari segi kewangan untuk menguruskan sisa pepejal di kawasan masing-masing. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah meluluskan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) di mana fungsi dan tanggungjawab PBT yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal akan diambilalih oleh

Kerajaan Pusat. Dengan pengambilalihan ini, maka beban tugas PBT dapat dikurangkan dan PBT boleh menumpukan perhatian kepada tugas-tugas lain yang lebih penting.

Jawapan bagi Soalan Bahagian (b),

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN

TARIKH: 13 MEI 2008

SOALAN:

PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [Tanjong Manis] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah berkenaan masalah pembekalan pekerja-pekerja tempatan.

PR-1211-L11847

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, terdapat masalah pembekalan pekerja tempatan terutamanya di sektor perkhidmatan pembantu rumah, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan dan perladangan. Oleh yang demikian, bagi tempoh jangka pendek negara masih memerlukan perkhidmatan pekerja asing di sektor-sektor berkenaan. Antara faktor yang dikenal pasti dalam pembekalan pekerja-pekerja tempatan ialah kurangnya minat pekerja tempatan untuk bekerja di sektor tersebut kerana persekitaran kerjanya dianggap tidak kondusif dan kurang menarik. Di samping itu, sikap pekerja tempatan yang terlalu memilih kerja turut menyumbang kepada masalah ini.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah bekalan pekerja tempatan termasuklah :-

a) Meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja melalui aktiviti promosi, penguatkuasaan dan khidmat nasihat kepada para majikan;

b) Memberi khidmat bimbingan kerjaya dan kaunseling kepada pencari kerja bagi mengubah persepsi mereka supaya bersedia menerima tawaran bekerja tanpa memilih sektor-sektor tertentu di samping mendapat pendedahan dan menimba pengalaman;

c) Memastikan kandungan kursus - kursus kemahiran sedia ada dapat melahirkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri semasa melalui kerjasama dan dialog berterusan dengan industri; dan

d) Memperkenalkan kursus-kursus baru di sektor perkhidmatan dan perladangan. Kursus-kursus baru yang dikenal pasti untuk dibangunkan ialah seperti *house-keeping, frontdesk, food and beverage* dan operator mekanisasi ladang (kelapa sawit).

KSM juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengenal pasti dan menyemak semula program dan kursus di institusi pengajian tinggi dan institusi latihan untuk memastikan kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dan graduan yang dikeluarkan adalah benar-benar memenuhi keperluan industri dan sektor-sektor utama.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menyediakan Pelan Induk (*Blueprint*) Latihan dan Pembangunan Kemahiran Nasional 2008 – 2020 sebagai usaha melaksanakan transformasi latihan kemahiran ke tahap cemerlang. KSM juga mengadakan kerjasama dengan industri bagi mewujudkan latihan berdasarkan keperluan kemahiran dalam pasaran pekerjaan di samping mengadakan kerjasama bagi memperluaskan peluang latihan kepada belia yang tercicir *(drop-outs)*.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

DATUK SERI DR FONG CHAN ONN [Alor Gajah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan berjaya menggalakkan pekerja tempatan bekerja dalam sektor-sektor yang mempunyai ramai pekerja asing seperti sektor pembinaan, perkhidmatan dan sebagainya.

PR-1211-L11306

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Majikan dibenarkan untuk menggaji pekerja dan keutamaan patut diberikan kepada pekerja tempatan. Walau bagaimanapun terdapat majikan yang lebih cenderung mengambil pekerja asing berbanding pekerja tempatan atas pelbagai alasan.

KSM menegaskan majikan sepatutnya lebih mengutamakan pengambilan pekerja tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong berbanding pekerja asing. Ketika ini, majikan yang ingin menggaji pekerja asing diwajibkan melaporkan kekosongan jawatan melalui *Electronic Labour Exchange* (ELX) terlebih dahulu untuk memberi peluang kepada pekerja tempatan memohon jawatan tersebut. Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia akan mendapatkan calon-calon pencari kerja yang berada di dalam daftar ELX untuk ditemuduga dan seterusnya dicadangkan untuk bekerja di sektor yang memerlukan tenaga kerja. Namun demikian, majikan hanya boleh menggaji pekerja asing setelah mendapat pengesahan daripada Jabatan Tenaga

Kerja (JTK) bahawa tiada pekerja tempatan yang berminat kepada pekerjaan yang ditawarkan.

KSM juga akan membuat pemeriksaan yang lebih rapi terhadap mana-mana kilang atau majikan yang sengaja memberhentikan pekerja tempatan dan dalam masa yang sama mengekalkan pekerja asing. Sepatutnya pekerja asing yang diberhentikan terlebih dahulu dan bukannya pekerja tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Keperluan terhadap tenaga kerja asing pada masa ini adalah bersifat sementara. Kemasukan mereka adalah akibat daripada sikap rakyat tempatan yang kurang berminat untuk bekerja di sektor-sektor perladangan, pembinaan, dan perkhidmatan. Perkhidmatan pekerja asing masih diperlukan bagi memastikan pelaburan dan daya saing industri utama negara terpelihara. Bagi mengatasi masalah ini langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

a) Kerajaan menggalakkan sektor pembinaan menggunakan bahan pasang-siap atau *Industrialised Building Systems* (IBS) manakala di sektor perladangan, mereka digalakkan meningkatkan penggunaan automasi mengikut kesesuaian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing;

b) Menggalakkan majikan melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja bagi membolehkan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja mengisi kekosongan tersebut.

c) Menggalakkan majikan di dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan perladangan menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan seperti syarat dan terma perkhidmatan yang menarik, persekitaran kerja yang kondusif dan selamat bagi menarik minat rakyat tempatan bekerja di dalam sektor-sektor ini.

NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN**
TARIKH	:	**13.05.2008 (SELASA)**
SOALAN	:	**33**

DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah pendekatan Kementerian untuk mengawal kenaikan harga makanan asas yang sedang berlaku di rantau Asia ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga makanan asas yang berlaku di rantau Asia adalah di luar kawalan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani isu kenaikan harga barang dalam negara. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 20 April 2008 pula, sejumlah 328,352 pemeriksaan telah dijalankan dan hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 550 kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 731,055.95.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 5 jenis barang makanan iaitu tepung gandum, susu pekat manis, roti *(standard white loaf)*, ayam, dan minyak masak masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatut dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga dan inflasi ialah;

(i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan

program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

(ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak dan tepung. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkat dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946.

(iii) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:

a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;

b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan

c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

SOALAN NO. 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN**
KAWASAN	:	**PETALING JAYA SELATAN**
TARIKH	:	**13.5.2008 (SELASA)**

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) sampai bilakah Kerajaan akan meneruskan dasar perlindungan terhadap PROTON; dan

(b) apakah Kerajaan akan mengkaji semula dasar ini dalam jangka waktu terdekat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan daya saing industri automotif negara, Kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha selaras dengan Dasar Automotif Nasional seperti pemberian insentif dan geran serta latihan teknikal menerusi rakan strategik antarabangsa, yang turut dinikmati oleh keseluruhan industri, termasuk pengeluar kenderaan nasional iaitu

PROTON dan PERODUA. Umpamanya, melalui Dana Penyesuaian Industri (*Industrial Adjustment Fund*) yang berbentuk pengecualian cukai eksais yang diberi kepada sesebuah model kereta bergantung kepada tahap pelaburan yang dibuat di Malaysia oleh pengeluar kereta tersebut, ditawarkan kepada kesemua pembuat kereta sama ada syarikat tempatan, asing atau usahasama. Oleh yang demikian, tiada lagi dasar perlindungan khusus bagi PROTON.

Pada masa yang sama, Kerajaan secara berperingkat-peringkat sedang melaksana liberalisasi ke atas industri automotif negara menerusi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah ditandatangani. Umpamanya, di bawah ASEAN *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT), bagi kenderaan *completely built-up* (CBU), duti import telah dikurangkan kepada 5 peratus pada 1 Januari 2007 dan bagi kenderaan *completely knocked-down* (CKD), duti import telah dihapuskan sejak 1 Januari 2007.

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 13.05.2008

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan nisbah jumlah pembayar cukai persendirian dengan jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam di dalam negara ini. Adakah jumlah wang cukai yang dikutip dari pembayar cukai persendirian ini cukup untuk membayar gaji keseluruhan pekerja dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam mengurus sesebuah ekonomi dan bagi memastikan dasar fiskal berhemat, kutipan hasil perlu melebihi belanja mengurus termasuk bayaran emolumen. Sebagai contoh, bagi tahun 2007, jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM139,885 juta,

manakala jumlah perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM123,084 juta (26% daripadanya terdiri daripada bayaran emolumen). Ini menunjukkan terdapat lebihan kutipan hasil sebanyak RM16,801 juta yang digunakan untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan. Pada masa ini, jumlah kutipan hasil adalah lebih dari mencukupi untuk membayar emolumen kakitangan Perkhidmatan Awam. Oleh kerana terdapat lebihan kutipan hasil, Kerajaan tidak perlu meminjam untuk tujuan membiayai belanja mengurus termasuk bayaran emolumen kakitangan Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman, pada tahun 2006, bilangan pembayar cukai pendapatan individu adalah 1.14 juta berbanding dengan jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam 1.15 juta. Dengan itu nisbah pembayar cukai pendapatan individu berbanding dengan jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam adalah 1:1.

SOALAN NO : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**
		(KOTA RAJA)
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
SOALAN	:	

Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasional hasrat Kerajaan menswastakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan ke atas rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk menswastakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Semua perkhidmatan perubatan dan kesihatan masih di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan bagi memastikan rakyat terus menerima perkhidmatan perubatan daripada Kerajaan.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)**
TARIKH	:	**13.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN) minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan program-program yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah gejala sosial di kalangan para pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi menangani masalah disiplin murid di semua sekolah. Program-program tersebut adalah;

i. Menggubal peraturan-peraturan baru yang dinamakan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) 2008 di bawah Akta Pendidikan 1996. Sekiranya semua masalah teknikal dapat diatasi, peraturan baru ini akan dapat diwartakan pada tahun 2008.

ii. Menggerakkan program pemuafakatan menangani gejala disiplin bersama PIBG, PDRM dan PBT di setiap daerah.

iii. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang sekolah, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain. Program ini adalah **program pemulihan kepada murid tersebut** yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Kokurikulum Negeri. Pada tahun 2006, program ini telah dilaksanakan kepada sebanyak 600 orang murid di seluruh negara. Pada tahun 2007, sebanyak 640 orang murid telah mengikuti program jati diri di semua Pusat Kokurikulum seluruh negara dan program ini diteruskan pada tahun 2008.

iv. Pada tahun 2006, **Kursus Literasi Undang-Undang telah dilaksanakan kepada sebanyak 600 orang Guru Disiplin seluruh negara.** Pada tahun 2007, dengan kerjasama semua Jabatan Pelajaran Negeri, semua pengetua telah diberi taklimat semula berkaitan pengurusan disiplin murid di sekolah. Pada tahun ini, KPM telah menetapkan sebanyak 2,025 orang guru disiplin yang baru diberikan kursus ini.

v. Bermula tahun 2008, KPM telah memutuskan untuk melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada sebanyak 2,133 orang guru disiplin yang telah lama menjalankan tugas sebagai guru disiplin.

vi. Melaksanakan **Kursus Kemahiran Menyiasat Aduan** kepada sebanyak 300 orang pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah seluruh negara.

vii. Melaksanakan **program Rintis Intervensi Buli** di 6 buah sekolah menengah di Negeri Selangor dengan kerjasama Persatuan Psikologi Malaysia (PPM).

viii. Meneruskan kempen menerusi penggemblengan media massa yang berfokuskan ponteng sekolah, buli serta usaha memperkasakan PIBG. Kempen ini telah bermula sejak tahun 2006. Selain daripada penggunaan media cetak dan elektronik, pemasangan papan-papan tanda kempen juga telah dipasang di lebih 1000 buah sekolah seluruh negara. Selain daripada itu, papan-papan tanda kempen juga telah dipasang di kawasan awam meliputi 17 unit di lebuhraya utama, 11 unit di kompleks membeli belah dan 66 unit di LRT.

ix. Meneruskan pelaksanaan rintis ***Sistem Merit Demerit*** (e-Disiplin) di 103 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2008. Program ini yang dinamakan sebagai Sistem Kawalan Disiplin Murid (e-Disiplin) dibuat secara automasi sepenuhnya yang mana setiap kesalahan akan diberi markah dan tindakan terhadap sesuatu kes akan direkod sehingga kepada penyelesaiaannya. Rintis awal di 13 buah sekolah menengah di seluruh negara selama 3 bulan pada tahun 2007 menunjukkan ia amat positif dengan kes salah laku telah didapati berkurangan di 13 buah sekolah tersebut.

x. Menggerakkan Pasukan Petugas Anti Ponteng daerah yang telah bermula sejak tahun 2007. Pasukan ini terdiri daripada Pegawai Pelajaran Daerah, PDRM, PBT, PIBG serta agensi-agensi setempat. Pasukan ini digerakkan bagi memujuk dan menghantar murid yang ponteng ke sekolah masing-masing untuk diberi kaunseling oleh pihak sekolah. Ibu bapa mereka juga akan dimaklumkan oleh pasukan ini tentang kegiatan anak-anak mereka.

xi. Menggerakkan program keibubapaan dalam kalangan anggota PIBG seluruh daerah. Program ini dilaksanakan atas permintaan PIBG supaya setiap ibu bapa diberi pendedahan terhadap peranan mereka kepada

sekolah serta tanggungjawab bersama yang perlu dipikul dalam membendung permasalahan disiplin murid.

xii. Pada tahun 2008, KPM telah bersetuju untuk menggerakkan program khas bersama PDRM di setiap negeri. Sasaran program ini adalah kepada murid yang telah dikenalpasti terlibat dengan gejala jenayah yang berunsur gangsterisme.

xiii. Melaksanakan pameran bergerak seluruh negara bagi menyedarkan murid-murid agar tidak terlibat dengan salah laku disiplin. Pada tahun 2007, sebanyak 21 lokasi yang melibatkan sejumlah 60 buah sekolah telah terlibat dengan program ini di seluruh negara.

xiv. Menggiatkan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dan sukan. Pihak sekolah juga telah diminta melaksanakan program jangka pendek dan jangka panjang yang melibatkan aktiviti perluasan kegiatan kokurikulum dan sukan, pemantapan pengurusan disiplin di sekolah, melaksanakan program keselamatan sekolah, menjana semangat patriotisme dan perpaduan di kalangan murid, meningkatkan aktiviti pembudayaan adab dan nilai-nilai murni murid, mengadakan kempen-kempen secara berterusan terhadap salah laku jenayah buli, ponteng sekolah dan salah laku jenayah yang lain.

xv. Pihak sekolah juga telah diminta untuk sentiasa berbincang dan bertindak bersama pihak-pihak luar seperti PDRM, PIBG, jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan, Kepimpinan Masyarakat setempat seperti Penguhulu, Ketua Kampung, JKKK dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha mengatasi gejala disiplin murid di sekolah dan luar sekolah.

SOALAN NO.: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan yang mungkin berlaku akibat pemansuhan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah Kerajaan Pulau Pinang baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat terpenting pelaksanaan dasar pengagihan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) serta Misi Nasional ialah untuk mencapai perpaduan nasional dengan izin *national unity* melalui dua strategi utama iaitu:-

(i) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik; dan

(ii) penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Tumpuan inisiatif di bawah DEB pada asasnya ialah untuk menyediakan peluang bagi golongan yang terpinggir dari segi pencapaian ekonomi untuk turut bersama menikmati arus pembangunan negara. Inisiatif tersebut yang prihatin dan berusaha membantu merapatkan jurang ekonomi di kalangan berbagai lapisan masyarakat Malaysia merupakan usaha yang sejajar dengan nilai-nilai murni sejagat yang wajar diteruskan oleh Kerajaan. Justeru itu, semangat DEB telah diterapkan dalam dasar-dasar ekonomi selepas DEB iaitu Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memastikan pengagihan kekayaan negara yang adil dan saksama antara dan dalam etnik berjaya memperkukuhkan perpaduan negara.

Sekiranya semangat DEB dimansuhkan dalam dasar pembangunan negara, maka strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dalam agenda pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia tidak akan dapat dilaksanakan. Akibatnya, masalah ketidakseimbangan pendapatan dan pemilikan kekayaan antara dan dalam etnik akan terus meruncing. Akhirnya, pencapaian perpaduan, keharmonian, kestabilan dan kesejahteraan negara serta kepesatan pertumbuhan ekonomi yang

dinikmati oleh negara pada masa ini tidak mungkin lagi akan dapat dikekalkan.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak berhasrat memansuhkan semangat DEB malahan Kerajaan akan terus komited melaksanakan strategi-strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)

TARIKH : 13.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan Guru Cemerlang di sekolah-sekolah yang masih tidak diisi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pengisian jawatan Guru Cemerlang mengikut gred sehingga tahun 2007 adalah seperti berikut : -

Gred	Bilangan
Guru Cemerlang PPPLD DGA38	338
Guru Cemerlang PPPLD DGA34	112
Guru Cemerlang PPPLD DGA32	1436
Jumlah	**1886**

Dengan penambahan kuota baru bagi jawatan Guru Cemerlang sebanyak 5700 jawatan lagi sehingga tahun 2011, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah

mengambil langkah – langkah berikut bagi menarik minat guru untuk mengisi jawatan Guru Cemerlang di sekolah iaitu :-

i. Tempoh pemangkuan di atas jawatan Guru Cemerlang hanya 6 bulan berbanding 1 – 3 tahun sebelumnya.

ii. Penilaian ke atas bakal Guru Cemerlang dibuat oleh Ketua Jabatan bagi membolehkan penilaian yang sewajarnya dibuat.

ii. Tempoh perkhidmatan untuk memohon jawatan Guru Cemerlang telah disingkatkan kepada 5 tahun.

Bagi pelaksanaan tahun 2008 seramai **3,284** calon telah memohon jawatan Guru Cemerlang dan proses pengisian jawatan akan dibuat berdasarkan jumlah yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat KPM.

Langkah-langkah yang diambil oleh KPM bagi mengisi kekosongan jawatan Guru Cemerlang di sekolah yang masih tidak diisi ialah seperti berikut:

i) Mengadakan **task force* bagi mengadakan pemantauan, penilaian dan pemilihan Guru Cemerlang
ii) Mempromosikan iklan secara *on-line* menerusi laman web KPM.
iii) Permohonan ini dibuka sepanjang tahun.
iv) Menyediakan Buku Terma Rujukan Guru Cemerlang yang menjelaskan tentang kaedah kenaikan pangkat, kriteria, syarat dan kelayakan untuk membuat permohonan.
v) Promosi di sekolah mengikut permintaan seperti mengadakan sesi ceramah.

SOALAN NO: 40

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG)**
TARIKH	:	**13 MEI, 2008 (SELASA)**
SOALAN	:	**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

Apakah persiapan yang telah, sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk mengekang kenaikan harga beras kerana negara pengeluar telah mula menaikkan harganya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengekang kenaikan harga beras, Kerajaan melaksanakan tindakan seperti berikut ;

i) Memastikan bekalan beras mencukupi di pasaran dengan membuat pemantauan setiap hari supaya tidak terdapat pemborong, pengilang dan peruncit menyimpan atau menyorok beras untuk membuat spekulasi harga.

ii) Menetapkan syarat pengilang memproses padi dan menetapkan operasi kilang sekurang-kurangnya selama 6 jam setiap hari

iii) Menetapkan pengilang mengeluarkan beras yang dikawal harganya iaitu Super Tempatan 15% sekurang-kurangnya 10% daripada pengeluarnya.

iv) Mengarahkan kilang-kilang Bernas supaya mengeluarkan 100% beras gred Super Tempatan 15% daripada hasil pengeluarannya.

v) Membuat pemantauan harian oleh pegawai penguat kuasa kawal selia padi dan beras bagi menentukan bekalan beras adalah mencukupi dan harga yang stabil.

vi) Mempertingkatkan penguatkuasaan di sempadan supaya beras tidak di seludup keluar

vii) Mengarahkan pengedaran segera bekalan beras oleh pengilang dan pemborong.

viii) Meningkatkan pengeluaran beras tempatan.

SOALAN NO : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**
TARIKH	:	**13.05.2008**
RUJUKAN	:	**865**

Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan dan permit masuk bagi isteri asing warganegara Malaysia yang telah diterima, sedang diproses/dalam pertimbangan, diluluskan dan ditolak setakat 31 Mac 2008 dan apakah sebab Kementerian lewat memberikan pertimbangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan bagi isteri asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia boleh mengemukakan permohonan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan. Bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah kategori ini yang telah diterima dan sedang diproses oleh Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2002 sehingga 31 Mac 2008 adalah sebanyak 3,194 permohonan. Bilangan permohonan yang telah diluluskan sebanyak 760 dan permohonan yang ditolak sebanyak 259 permohonan.

Permohonan permit masuk di bawah Seksyen 10 Akta Imigresen dan permohonan tersebut boleh dibuat di Jabatan Imigresen Malaysia adalah untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap. Dari tahun 2001 hingga Disember 2007, permohonan permit masuk yang diterima dan sedang diproses daripada isteri asing yang berkahwin dengan suami Malaysia ialah sebanyak 16,966 pemohon. Bilangan

permohonan permit masuk daripada isteri kepada warganegara yang diluluskan sebanyak 4,620 dan setakat ini masih belum ada permohonan yang ditolak.

Mengenai sebab-sebab kelewatan pihak Kementerian menimbangkan permohonan tersebut, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setiap permohonan perlu melalui proses tapisan pihak Polis dan menduduki ujian bahasa terlebih dahulu. Permohonan-permohonan tersebut juga akan dikaji dengan teliti berdasarkan merit seseorang itu atas niat, sumbangan dan kesediaannya untuk mencurahkan kesetiaannya kepada negara ini. Oleh yang demikian adalah tidak wajar menentukan had tempoh bagi pihak kerajaan menimbang serta meluluskan sesuatu permohonan.

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB [BALING]**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**866**

Soalan :

Tuan Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat tidak bercadang memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan mendakwa tahanan-tahanan di bawah akta tersebut ke mahkamah atau membebaskan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Penggunaan Akta ini didapati masih relevan keperluannya bagi tujuan tindakan pencegahan untuk membendung dan menangani kegiatan atau aktiviti yang boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan negara, sekali gus dapat mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Berhubung dengan persoalan mendakwa tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ke Mahkamah, untuk makluman Yang Berhormat, penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak memerlukan perbicaraan terbuka di mahkamah kerana ia merupakan suatu undang-undang pencegahan. Sehubungan dengan itu, setiap tindakan yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukkan sedia ada di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Selain itu, tangkapan yang dibuat dibawah Akta ini adalah bergantung kepada maklumat-maklumat keselamatan yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan tidak boleh didedahkan di Mahkamah atas kepentingan negara.

NO SOALAN: ~~46~~ 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]
TARIKH : 13 MAY 2008

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah Kerajaan Islam Hadhari berhasrat bagi mempertimbangkan untuk mengharamkan arak dan judi daripada dijadikan perniagaan dan sumber pendapatan rakyat dan Negara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, istilah Kerajaan Islam Hadhari adalah tidak tepat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia adalah kerajaan demokrasi berparlimen. Di dalam konteks ini, Islam Hadhari merupakan pendekatan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban, iaitu peradaban yang dicanai dengan pegangan Islam dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta fizikal.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat, perlu dinyatakan bahawa prinsip kedua yang diutarakan melalui pendekatan Islam Hadhari ini adalah prinsip Kerajaan yang adil dan beramanah. Di dalam konteks Islam, adil adalah memberi yang hak kepada yang berhak akan haknya, mengikut kadar masing-masing.

Kebenaran penjualan arak dan perjudian di Malaysia adalah untuk rakyat yang bukan beragama Islam, khususnya. Perniagaan arak dan perjudian yang dibenarkan perlu mengikut kaedah dan garis panduan Kerajaan yang sangat terkawal dari segi perlesenan dan penempatan. Justeru, Kerajaan tidak membenarkan penglibatan oleh mereka yang beragama Islam di dalam rangkaian perniagaan arak dan judi. Disebabkan kawalan yang dikenakan ke atas perniagaan arak dan judi, adalah tidak munasabah untuk

dikategorikan perniagaan tersebut sebagai sumber pendapatan rakyat dan Negara ini.

Berlandaskan prinsip tersebut, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang mengharamkan arak dan judi oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk di mana rakyatnya terdiri dari masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Dari segi statistik pula, masyarakat bukan Islam di Malaysia merupakan sebahagian besar penduduk, iaitu dianggarkan sehingga 40 peratus dari jumlah keseluruhan rakyat. Walaupun Islam merupakan agama rasmi di Malaysia, Perlembagaan menjamin hak kebebasan agama kepada semua warga. Saya juga percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang sedar bahawa tidak ada paksaan di dalam Islam ke atas mana-mana golongan yang tidak menganutinya.

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DR. MUJAHID YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DR. MUJAHID YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Perak bagi setiap Daerah dan Daerah mana yang tidak diberikan peruntukan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM142,937,300 telah diperuntukkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan Projek-Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuaşa Tempatan (PBT) dan di dalam Kampung Tradisional seperti projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi serta melaksanakan aktiviti/ program kebersihan di PBT seperti pembelian racun kawalan vektor, kempen tandas bersih, kempen kebersihan, kempen kebersihan premis makanan dan kempen anti nyamuk.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperkenalkan semula penggunaan dakwat kekal dalam proses pilihan raya akan datang setelah ianya dibatalkan secara mengejut atas masalah perundangan dan ketenteraman awam sebelum Pilihan Raya Umum ke 12 yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menolak cadangan asalnya untuk memperkenalkan kaedah penggunaan dakwat kekal dan masih bersetuju untuk melaksanakan kaedah tersebut. Kaedah

itu boleh dilaksanakan jika masalah undang-undang dan keselamatan yang dinyatakan di atas itu dapat diatasi. SPR akan meminta pihak-pihak yang berwajib untuk mengkaji undang-undang dan menyediakan peruntukan yang sesuai bagi membolehkan kaedah ini dilaksanakan tanpa menjejaskan hak asasi seorang pengundi seperti mana yang dikehendaki oleh Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**867**

SOALAN:

Dr. Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi-polisi berkaitan dengan capaian media yang lebih adil dan bebas bagi mematangkan pendemokrasian media di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sesuai dengan dasar liberal dan keterbukaan yang diamalkan Kerajaan melalui kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri sentiasa menggalakkan penyebaran bahan-bahan berita dan maklumat secara terbuka, liberal dan bertanggung jawab bagi menjamin kebebasan serta mematangkan pendemokrasian media, khususnya media cetak di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk.

Di samping itu juga, Kementerian memberi ruang yang luas kepada pihak akhbar agar cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif, berpengetahuan serta membina minda masyarakat.

Namun begitu, Kementerian juga mempunyai tanggung jawab yang berat bagi memastikan bahan-bahan media cetak, termasuk akhbar tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara, menggugat kesejahteraan rakyat dan masyarakat serta menjejaskan kestabilan negara.

Sesuai dengan peranan dan tanggung jawab itu, Kementerian melalui peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah bertanggung mengawalselia bahan-bahan bercetak supaya tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Khalid Bin Abdul Samad (Shah Alam) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perancangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) melibatkan pengambil alihan 66,736 km persegi tanah rizab Melayu atau 40 peratus kawasan koridor tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), projek-projek yang dirancang di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) tidak melibatkan pengambil alihan Tanah Rizab Melayu atau dengan izin, *Malay Reserve Land* (MRL). Walau bagaimanapun, salah satu aspek yang akan diberi penekanan dalam Pelan Induk ECER yang telah dirangka ialah pembangunan tanah-tanah rizab Melayu ini iaitu sebagai usaha untuk melonjakkan nilai tanah MRL yang terdapat di ECER bagi membantu golongan Bumiputera atau orang Melayu meningkatkan pendapatan mereka. Oleh itu, Pelan Induk ECER bercadang untuk mengoptimumkan potensi untuk Tanah Rizab Melayu yang merupakan 40 peratus kawasan ECER ini. Jadi apa yang diperlukan

sekarang adalah satu struktur atau satu pendekatan yang boleh membuka kunci penggunaan serta nilai tanah MRL ini dan pada masa yang sama memastikan semua pemilik tanah mendapat ekuiti terus yang boleh diwariskan kepada generasi akan datang.

Bagi menjaga kepentingan tuan-tuan tanah ini, peruntukan untuk penubuhan **Tabung Amanah Hartanah ECER** atau dengan izin, *ECER Real Estate Trust* (RET) telahpun termaktub di dalam Akta Majlis Pembangunan ECER 2008 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2007 yang lalu. Tabung ini merupakan satu bentuk insentif yang membolehkan tuan punya tanah MRL membangunkan tanah MRL mereka tanpa penukaran hak milik dan pada masa yang sama memperolehi keuntungan atau pendapatan daripadanya. Di bawah pendekatan ini, pemilik tanah akan diberi peluang untuk turut serta dalam pembangunan wilayah ECER ini dengan menjadi pemegang saham di dalam badan amanah ini dan bukannya dengan cara menjual tanah mereka untuk mendapatkan faedah segera. RET akan memberikan pemilik tanah pendapatan berterusan melalui dividen dan juga perolehan modal.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai penerimaan idea ini oleh penduduk tempatan atau tuan punya tanah MRL tersebut, Kerajaan sedar bahawa RET adalah satu konsep baru bagi kebanyakan mereka. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan ianya dibuat secara telus dan bagi menjayakan usaha ini, penerangan yang terancang serta kempen kesedaran yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi memastikan rakyat yang terlibat memahami

kebaikan pengurusan tanah secara berkelompok ini. Usaha ini adalah untuk kebaikan mereka juga dan seterusnya akan membantu mereka meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik.

AU : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]

TARIKH : 13 Mei 2008 (SELASA)

SOALAN : 48

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan status pembatalan perancangan bagi Penang Port Sdn. Bhd. dan sama ada Kerajaan Pusat mempunyai sebarang rancangan memperbaiki kecekapan Penang Port.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Projek pembesaran Fasa 2 Pelabuhan Pulau Pinang sedang dilaksanakan pada ketika ini dan dijangka siap pada tahun 2009. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) akan membatalkan perancangannya adalah tidak benar. Untuk makluman, PPSB akan mula melaksanakan pembesaran Fasa 3 mulai tahun ini yang dirancang siap sepenuhnya pada tahun 2012. Melalui projek-projek pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang yang telah dirancangkan serta pembelian alat-alat jentera pengendali yang moden, kapasiti serta kecekapan Pelabuhan Pulau Pinang akan turut meningkat.

NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 13 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : ~~60~~ 49

Tuan Loke Siew Fook [RASAH] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah status perlaksanaan dasar *"open skies"* dalam sektor penerbangan Negara setakat ini terutamanya berhubung kait dengan Singapura dan sama ada penerbangan terus dari lapangan-lapangan terbang domestik selain Kuala Lumpur ke Singapura akan dibuka kepada syarikat penerbangan kos rendah (*Low Cost Carrier*).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sememangnya menawarkan perjanjian berbentuk '*Open Skies*' kepada semua Negara-negara asing. Walau bagaimanapun, penerimaan tawaran ini adalah tertakluk kepada kesediaan Negara-negara tersebut. Setakat ini, kita telah mengadakan perjanjian berbentuk '*Open Skies*' dengan beberapa buah Negara seperti Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Negara-negara Scandinavia, New Zealand, Yemen, Austria dan Taiwan. Perjanjian berbentuk '*Open Skies*' ini membenarkan syarikat penerbangan kedua-dua buah Negara mengadakan perkhidmatan tanpa had kapasiti, frekuensi dan jenis pesawat yang ingin digunakan.

Bagi perlaksanaan '*Open Skies*' dengan Singapura, ia adalah tertakluk kepada perjanjian liberalisasi pengangkutan udara di kalangan Negara-negara ASEAN. Perjanjian ini dibentuk berdasarkan *ASEAN Roadmap for Integration of Air Travel Sector* (*ASEAN Roadmap*) yang mana menggariskan liberalisasi pengangkutan udara mengikut fasa-fasa tertentu, mulai Disember 2008.

Berdasarkan *ASEAN Roadmap* ini, syarikat-syarikat penerbangan daripada Negara ASEAN akan dibenar mengendalikan perkhidmatan tanpa had di antara ibu Negara ASEAN mulai

Disember 2008. Dalam hubungan ini, laluan Kuala Lumpur – Singapura dan sebaliknya (vv) akan dibuka sepenuhnya kepada semua syarikat penerbangan yang dilantik oleh kedua-dua buah Negara, termasuklah syarikat penerbangan tambang murah, tanpa apa-apa sekatan atas had frekuensi, kapasiti dan jenis pesawat.

Berdasarkan Roadmap ini juga, syarikat-syarikat penerbangan daripada Negara ASEAN adalah di benar mengadakan perkhidmatan tanpa had di antara lapangan-lapangan terbang antarabangsa (*international airports*) di Negara ASEAN. Ini bermakna, syarikat penerbangan tambang murah juga boleh beroperasi daripada mana-mana lapangan terbang antarabangsa di Malaysia ke Singapura dan sebaliknya, mulai Disember 2012.

Roadmap ini juga menggariskan liberalisasi pengangkutan udara secara penuh di kalangan Negara-negara ASEAN mulai Disember 2015, atau lebih dikenali sebagai *ASEAN Single Aviation Market*.

No. Soalan : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
SOALAN	:	**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) Di peringkat manakah cadangan penubuhan Unit Pemantauan Pembangunan Ekonomi Bumiputera bukan Melayu di negeri Sabah dan Sarawak; dan

(b) Apakah garis panduan bagi penubuhan unit tersebut.

JAWAPAN

(a) Unit Bumiputera Sabah dan Sarawak telah diwujudkan di Bahagian Susun Semula Masyarakat, ICU JPM pada 24 Mei 2007 ekoran daripada cadangan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 6 September 2006. Unit ini diketuai oleh seorang pegawai

PTD Gred M48 dan dibantu oleh dua orang pegawai iaitu Gred M44 dan M41. Selaras dengan peranan ICU JPM, fungsi utama unit tersebut adalah untuk menyelaras, memantau dan menilai dasar, program dan projek yang berkaitan dengan penyertaan bumiputera untuk negeri Sabah dan Sarawak. Tumpuan utama telah diberikan kepada pemantapan mekanisme penyelarasan dan pemantauan serta pengumpulan data dan maklumat berkaitan penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Selaras dengan matlamat tersebut, ICU JPM telah mewujudkan sebuah jawatankuasa teknikal (JKT PBSS) untuk menyelaras dan memantau penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi di Sabah dan Sarawak. Senarai keahlian dan Syarat Rujukan (TOR) jawatankuasa ini adalah seperti di Lampiran 1. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 25 September 2007 di ICU JPM dan mesyuarat kedua pada 22 April 2008. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat 4 kali setahun bagi memastikan ianya bergerak aktif untuk faedah masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak.

Untuk membantu JKT PBSS, akan diwujudkan Jawatankuasa Penyertaan Bumiputra di peringkat negeri Sabah dan Sarawak. Cadangan keahlian dan TOR untuk jawatankuasa di peringkat negeri tersebut adalah seperti di **Lampiran 2**.

(b)Penubuhan unit bumiputera di ICU JPM merupakan tindakan pentadbiran dan tiada garis panduan khusus yang digunakan bagi penúbuhannya.

LAMPIRAN 1

JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYERTAAN BUMIPUTERA SABAH DAN SARAWAK (JKTPBSS)

Keahlian

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah ICU JPM

Ahli-ahli :

i. Pengarah Bahagian Susun Semula Masyarakat
ii. Pengarah Bahagian Pembasmian Kemiskinan
iii. Pengarah Pembangunan Negeri Sabah
iv. Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak
v. Pengarah Unit Perancang Negeri Sarawak
vi. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
vii. Wakil Unit Perancang Ekonomi, JPM
viii. Wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri
ix. Wakil Kementerian Kewangan
x. Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
xi. Wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
xii. Wakil Kementerian Belia dan Sukan
xiii. Wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
xiv. Wakil Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
xv. Wakil Kementerian Pelajaran
xvi. Wakil Kementerian Pengajian Tinggi
xvii. Wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
xviii. Wakil Kementerian Sumber Manusia
xix. Wakil Jabatan Statistik

xx. Wakil Majlis Amanah Rakyat (MARA)

xxi. Wakil Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB); dan

xxii. Wakil Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berdasarkan isu semasa.

Urusetia : ICU JPM

Fungsi

i. Mengkaji dasar dan strategi pembangunan masyarakat Bumiputera secara terperinci dari semasa ke semasa;

ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program/ projek pembangunan Bumiputera;

iii. Mengenalpasti isu dan masalah dalam pelaksanaan program/ projek Bumiputera;

iv. Menyelaras penilaian *outcome* dan impak terhadap projek-projek berkaitan pembangunan Bumiputera;dan

v. Menyediakan laporan mengenai penyertaan dan pembangunan masyarakat Bumiputera kepada mesyuarat tertinggi.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan 4 kali setahun.

LAMPIRAN 2

JAWATANKUASA PENYERTAAN BUMIPUTERA PERINGKAT NEGERI SABAH/SARAWAK

Keahlian

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri

Ahli-ahli :

i. Pegawai Kewangan Negeri
ii. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri;
iii. Pengarah Pembangunan Persekutuan/ Negeri;
iv. Pegarah Pertanian Negeri;
v. Pegarah Pelajaran Negeri;
vi. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
vii. Pengarah KEMAS Negeri;
viii. Pegawai MARA Negeri;
ix. Pegawai-Pegawai Residen/Bahagian; dan
x. Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan

Urusetia : Pejabat Pembangunan Negeri

LAMPIRAN 2

Fungsi

i. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program pembangunan Bumiputera Sabah dan Sarawak;

ii. Mengenalpasti isu dan masalah berkaitan penyertaan Bumiputera Sabah dan Sarawak dan menyelesaikannya di peringkat Jawatankuasa ini atau jawatankuasa yang lebih tinggi;

iii. Membuat penilaian *outcome* dan impak ke atas projek/ program pembangunan Bumiputera Sabah dan Sarawak;

iv. Menyelaras pembangunan pengkalan data maklumat Bumiputera Sabah dan Sarawak dan memastikan ianya dikemaskinikan; dan

v. Menyediakan laporan mengenai penyertaan dan pembangunan Bumiputera Sabah dan Sarawak kepada Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan dan Pemantauan Penyertaan Bumiputera Sabah dan Sarawak (JKTPBSS)

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan 4 kali setahun

SOALAN NO : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**13.05.2008**

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia sedar bahawa "Foreign Exchange Control Act" bercanggah dengan Perlembagaan yang membenarkan setiap rakyat Malaysia memilih pekerjaan yang ingin diceburi dengan bebas.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan rakyat untuk berurus niaga mata wang asing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Menurut Seksyen tersebut, mana-mana pihak dibenarkan untuk berurus niaga mata wang asing dengan bank-bank berlesen tempatan yang merangkumi bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan bank Islam antarabangsa di Malaysia.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : **13 MEI 2008**

SOALAN

Y.B. Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rancangan supaya semua menteri dan timbalan menteri mengisytiharkan harta mereka kepada umum dua kali dalam tempoh lima tahun penggal perkhidmatan meliputi harta keluarga mereka.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa semua Anggota Pentadbiran Persekutuan mengisytiharkan harta mereka kepada umum sepanjang memegang jawatan tersebut. Sehubungan itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah diminta untuk mengkaji dan menyediakan format dan kaedah pengisytiharan harta yang sesuai untuk diguna pakai berdasarkan "best practice' (dengan izin) negara-negara lain. Butir-butir tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat nanti.

Sekian, Terima kasih

Soalan No: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peruntukan program sukan amat banyak tetapi mengapa Program Membina Jati Diri diketepikan. Mengapa perkara ini berlaku.

JAWAPAN

1. Kementerian memang peka terhadap usaha membina semangat Jati Diri dikalangan belia. Sehubungan dengan itu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah melaksanakan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) kepada lepasan SPM yang tidak terpilih menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Matlamat utama PJKN adalah untuk menyediakan golongan belia yang berperibadi unggul, berkemahiran dan mampu memimpin diri ke arah menjadi warganegara yang berguna dan cemerlang dalam kerjaya yang bakal diceburi.

2. Pada tahun 2008, sejumlah 27 pertubuhan telah diberikan hak melaksanakan Program Jati diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) yang melibatkan kos sebanyak RM98,000.00, 26 pertubuhan belia kebangsaan telah dianugerahkan sejumlah RM520,000.00 untuk menjalankan program pembangunan belia di bawah peruntukan RMK9, dan sebanyak 34 pertubuhan telah dianugerahkan sebanyak RM1,778,300.00 Bantuan Aktiviti bagi melaksanakan program pembangunan belia. Manakala bagi tahun 2009, pihak KBS telah merancang untuk menyalurkan sejumlah RM3.6 juta kepada 24 pertubuhan belia di peringkat negeri bagi 15 negeri di Malaysia dan sejumlah RM13.9 juta kepada 20 pertubuhan peringkat daerah bagi 116 daerah di seluruh negara.

3. Secara ringkasnya, pihak KBS tidak pernah mengenepikan mana-mana program apatah lagi yang melibatkan pembangunan belia di negara ini.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : **13 MEI 2008**

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan yang baru dibentuk ini serius untuk menggubal undang-undang yang dikenali sebagai 'Undang-undang Anti-Lompat' mengelakkan Ahli Yang Berhormat melompat dari satu parti ke parti yang lain untuk memastikan kestabilan politik.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan kini sedang mempertimbangkan cadangan untuk menggubal undang-undang tersebut, bukan sahaja untuk kestabilan politik semata-mata tetapi juga untuk memastikan pilihan sebenar rakyat di dalam pilihanraya tetap terpelihara.

Undang-undang tersebut harus diteliti dan dibincangkan terlebih dahulu untuk mengelak sebarang salah faham atau syak wasangka yang mungkin timbul. Pokoknya, pemilihan seseorang calon atau sesebuah parti harus mencerminkan hasrat rakyat yang sebenar.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**868**

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis telah menyelesaikan kes pembunuhan kejam ke atas bekas Ketua Polis Negara, Dato' Abdul Rahman Hashim yang ditembak mati di Kuala Lumpur pada tahun 1974. Jika ya, sila berikan butir-butirnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes pembunuhan Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah dilaporkan pada 7 Jun 1974 bersabit dengan Campbell Report No. 5105/74 dan telah disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Hasil siasatan yang dilakukan oleh pihak PDRM telah mendapati penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes pembunuhan Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim dan kes pembunuhan Ketua Polis Perak, Mendiang Tan Sri Khoo Choo Kong merupakan penjenayah yang sama.

Di dalam kes pembunuhan Mendiang Tan Sri Khoo Choo Kong, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas penjenayah-penjenayah yang telah bertanggungjawab membunuh Mendiang. Oleh sebab penjenayah-penjenayah yang bertanggungjawab dengan kedua-dua kes pembunuhan ini merupakan penjenayah yang sama dan telah pun dijatuhkan hukuman gantung sampai mati, maka kes pembunuhan Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah ditarik balik atas arahan YAA Peguam Negara.

Maklumat Tambahan

Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah ditembak mati oleh dua lelaki berhampiran dengan Bangunan Lee Yan Lian, Jalan Tun Perak (dulunya dikenali sebagai Jalan Mountbatten), Kuala Lumpur pada pukul 8.20 pagi, 7 Jun 1974. Semasa kejadian, Allahyarham sedang menaiki kereta rasminya dalam perjalanan ke pejabat bersama-sama pemandunya iaitu Pemangku Sarjan Omar Yunus.

Dalam kejadian tersebut, sebanyak 11 das tembakan pistol telah dilepaskan dan 7 daripadanya mengenai bahagian bahu, rusuk dan paha kiri Allahyarham. Sementara 2 baki tembakan telah mengenai bahagian leher dan bahu kanan pemandu Allahyarham. Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman telah meninggal dunia pada pukul 8.30 pagi ketika dalam perjalanan ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

LAMPIRAN F

SOALAN 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN Menyatakan:-** Kenapa Kerajaan Persekutuan menutup pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Persekutuan di Negeri Perak baru-baru ini.

JAWAPAN:

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) **tidak** ditutup sebagai mana dakwaan Ahli Yang Berhormat Beruas dan operasi MTPN Perak berjalan seperti biasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**YB. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**
Tarikh	:	**13 MEI 2008 (SELASA)**

SOALAN

YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah kerajaan akan mengambil langkah memberi kebebasan dan kelonggaran kepada media Kerajaan dalam penyiaran berita dan isu politik negara secara adil berikutan kemaraan dan kemudahan serta *accessibility* jaringan Internet sebagai medium alternatif rakyat mendapatkan maklumat akibat dasar ketat Kerajaan melarang penyiaran berita pembangkang.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Y.B Cheras atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Penerangan sentiasa berusaha dan memberikan perhatian kepada hak rakyat untuk mendapatkan berita dan maklumat melalui RTM sebagai penyebar maklumat rasmi kerajaan. Kementerian memastikan dasar siaran berita RTM lebih mengutamakan nilai berita, tanpa mengira personaliti dalam liputan berita tersebut. Selain berita, RTM turut memperkenalkan rancangan

baru iaitu 'Bersemuka Dengan Media' dan 'Blog' dan terkini siaran langsung mengenai persidangan Parlimen yang membuktikan keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara rakyat di samping memastikan hak mereka untuk mendapatkan maklumat.

FORMAT 'C'
SOALAN N0: 58

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)

TARIKH : 13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN : YB. DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan.

Jumlah perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan untuk membuat penyelidikan dan mengembangkan tanaman padi jenis hibrid.

JAWAPAN :

Padi hibrid dihasilkan daripada gabungan dua jenis benih padi yang berbeza untuk menghasilkan beras yang berkualiti. Padi hibrid didapati boleh mengeluarkan 20% atau 1 hingga 1.5 tan/hektar hasil yang lebih di samping dapat mengurangkan kos pengeluaran padi, toleran kepada kemasinan, banjir, tanah dalam serta keupayaan mengeluarkan *ratoon* berbanding dengan varieti padi *inbred*.

Pada ketika ini, penyelidikan MARDI berkaitan padi hibrid ini dibiayai oleh satu peruntukan khas dari Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjumlah RM10 juta bagi tempoh 2005 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut, MARDI telah menerima agihan berjumlah RM6.3 juta bagi menjalankan kajian baka padi hibrid dan varieti berpotensi dari pelbagai sumber terutamanya syarikat-syarikat swasta. MARDI juga mendapatkan kepakaran dari Negara China dan Filipina bagi membangunkan varieti padi hibrid.

Selain dari ini, MARDI juga telah menjalin kerjasama dengan Syarikat RB Biotech bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dalam mengenalpasti dan seterusnya menghasilkan padi hibrid dengan pembiayaan daripada pihak MOSTI berjumlah RM11.5 juta.

NO. SOALAN : ~~07~~ 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Y.B. Tuan Zulkifli bin Noordin

TARIKH : 13 Mei 2008

SOALAN

Meminta Perdana Menteri menyatakan apakah status cadangan menggubal Akta Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Lain Ke Atas Orang Islam Bagi Negeri-Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan berdasarkan Artikel 11 (4) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Bagi Wilayah Persekutuan, draf Rang Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) telah disemak oleh Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan telah dikembalikan semula kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Tindakan lanjut sedang diambil oleh JAKIM untuk mengemaskini perkataan dan perbahasaan yang tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam yang terkandung dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual kepada Rang Undang-Undang tersebut supaya ianya selaras dan seragam dengan perkataan dan perbahasaan yang terkandung dalam Jadual kepada Enakmen yang sama di sepuluh (10) buah negeri yang telah mempunyai Enakmen tersebut.

Selepas Rang Undang-Undang tersebut dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat, ianya akan dijadikan panduan oleh negeri Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN WEE CHAO KEONG [WANGSA MAJU]**
TARIKH	**:**	**13 MEI 2008 (SELASA)**
SOALAN	**:**	**60**

Tuan Wee Chao Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Pengangkutan menyatakan selepas MAS mengambil alih perkhidmatan udara di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, adakah AirAsia telah membayar balik subsidi sebanyak 60 juta kepada Kerajaan dan adakah AirAsia telah membayar semua hutangnya kepada Malaysia Airports Holdings Berhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Rasionalisasi perkhidmatan udara domestik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada Mac 2006 memperlihatkan perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services* – RAS) ini diserahkan kepada syarikat AirAsia Berhad, yang kemudiannya melantik syarikat Fly Asian Xpress (FAX) untuk mengendalikan perkhidmatan ini mulai 1 Ogos 2006.

Memandangkan perkhidmatan ini adalah merupakan laluan obligasi sosial (*social obligation routes*) di kawasan Sabah dan Sarawak dan perkhidmatan yang tidak ekonomik, maka Kerajaan akan menanggung sepenuhnya operasi RAS ini melalui subsidi Kerajaan. Oleh yang demikian, mana-mana operator/pengendali operasi RAS ini akan disubsidi penuh oleh Kerajaan dan subsidi tersebut tidak perlu dibayar balik.

Berhubung hutang AirAsia kepada Malaysia Airport Holdings Berhad, adalah dimaklumkan bahawa pihak AirAsia masih mempunyai hutang sebanyak RM 5,443,746 dan ia adalah di dalam proses pembayaran.

NO SOALAN :61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD)**
TARIKH	**:**	**13 MEI 2008 (SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian Pertahanan bersetuju untuk mengeluarkan kawasan Kampung Rosok dan Kampung Bengkahak dari tanah gazet yang diperuntukkan untuk Kem Tentera Paradise di daerah Kota Belud.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tiada halangan untuk mengeluarkan kawasan Kampung Rosok dan Kampung Bengkahak yang telah digazetkan sebagai Kawasan Latihan Tentera yang diperuntukkan kepada Kem Tentera Paradise di Kota Belud, Sabah. Walau bagaimanapun, permohonan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan perlu dikemukakan kepada Kementerian untuk diteliti.

Soalan No : 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 13.5.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) sama ada Kementerian akan mengkaji balik dasar Kerajaan yang tidak membina SRJK(C) dan SRJK(T) baru mengikut keperluan; dan

(b) apakah bantuan yang akan diberikan kepada SRJK(C) Chong Tek untuk membina semula bangunan tidak selamat dan penempatan semula SRJK(C) Yang Cheng dan SRJK(C) Beng di negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah–sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT). Berhubung dengan pembinaan sekolah baru pula, pada Januari 2008, KPM secara prinsipnya telah membenarkan pembinaan 6 (enam) buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah bantuan kerajaan (SBK) perlu mengumpul dana sendiri bagi pembangunan fizikal sekolah. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh memohon peruntukan bantuan modal mengikut prosedur sedia ada. Pihak sekolah perlu memohon kebenaran KPM untuk membina bangunan sekolah. Berkaitan dengan SJKC Chong Teik, permohonan kelulusan membina bangunan tambahan dan dewan akan dibincang dalam Mesyuarat JK Khas Bil. 2/2008 pada bulan Mei 2008. Bagi SJKC Yang Cheng, KPM tiada halangan terhadap permohonan perpindahan sekolah ini ke tapak baru di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

KPM telah membantu SJKC Beng Tek Pusat dalam proses menyediakan kertas cadangan perpindahan dan pembinaan bangunan baru di lokasi baru Lot 1992 Mk. 10 Seberang Perai Tengah untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas BPPDP Mengenai Projek Pembangunan Bil. 2/2008.

Rjm 04

NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)
NO. PERTANYAAN	:	NO. 63

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memulihkan meritokrasi sebagai pertimbangan utama dalam pengambilan mahasiswa, pelantikan serta kenaikan pangkat staf-staf akademik sebagai langkah terpenting untuk menjadikan universiti-universiti Malaysia bertaraf dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar meritokrasi bagi pemilihan kemasukan ke IPTA telah diguna pakai mulai Sesi Akademik 2002/2003 dan mulai Sesi Akademik 2006/2007, dasar dan kaedah ini mengguna pakai 90% akademik dan 10% kokurikulum. Semua pemohon yang layak dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan akan terpilih memasuki IPTA.

Tahun 2008 merupakan tahun ketujuh pelaksanaan dasar meritokrasi yang jelas dikenal pasti diterima baik oleh pemohon dan masyarakat sebagai sistem yang telus, dinamik dan adil

kerana memberi peluang pendidikan tinggi yang luas kepada yang layak dan memenuhi syarat bagi mengikuti sesuatu program pengajian. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yakin dasar meritokrasi yang diguna pakai telah mencapai matlamat yang disasarkan memandangkan kriteria pemilihan yang diguna pakai adalah jelas dan jitu.

KPT memang mengamalkan meritokrasi dalam pelantikan dan kenaikan pangkat staf-staf akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Antara kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat staf-staf akademik adalah:

i. disahkan dalam perkhidmatan;
ii. mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
iii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
iv. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

No: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Bagi Jawab Lisan**

DARIPADA : **Dato' Abu Bakar bin Taib**

TARIKH : **13 Mei 2008 (Selasa)**

SOALAN : **64**

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

(a) adakah beliau berpuas hati dengan keadaan feri terutamanya dari tanah daratan ke Langkawi dari segi tambang, keselesaan, keselamatan dan perkhidmatan kepada pelanggannya; dan

(b) adakah Menteri atau Timbalan Menteri atau Ketua Setiausahanya sendiri bercadang melihat dengan sendiri secara 'incognito' di terminal-terminal feri dan di atas feri sebagai penumpang biasa terutama sekali pada musim cuti.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya, Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa perkhidmatan feri ke Langkawi adalah memuaskan dari segi tambang, keselesaan, keselamatan dan taraf perkhidmatan kepada pelanggan. Untuk makluman, tambang bagi laluan Kuala Kedah-Langkawi dan Kuala Perlis-Langkawi adalah di antara yang termurah di Malaysia jika diambil kira jarak perjalanan bagi laluan-laluan tersebut.

Pihak kementerian juga amat memandang berat aspek keselesaan serta keselamatan penumpang-penumpang, di mana Jabatan Laut Semenanjung Malaysia:-

i. menetapkan spesifikasi piawaian bagi tempat duduk penumpang dan ruang penyimpanan bagasi bagi setiap feri;
ii. menjalankan pemeriksaan ataupun *survey* berkala ke atas feri-feri yang beroperasi bagi memastikan feri selamat dan mematuhi peraturan-peraturan yang diguna pakai; dan
iii. memastikan semua feri yang beroperasi dianggotai oleh anak-anak kapal yang berkelayakan.

Dalam pada itu, jumlah perjalanan harian adalah sebanyak 110 perjalanan, yang mana ianya mencukupi untuk menampung keperluan pengguna yang seramai kira-kira 15,000 penumpang sehari.

Perkhidmatan feri di kedua-dua laluan ini juga mempunyai purata "*On-time Performance Rating*" setinggi 86.88%. Pengukuran ini dibuat sejak 10 bulan yang lepas dan digunakan untuk menentukan peratusan feri yang berlepas tepat mengikut jadual.

Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pengangkutan akan sentiasa memastikan bahawa tindakan pemantauan dan penguatkuasaan akan dijalankan pada setiap masa demi memastikan kualiti perkhidmatan dan taraf keselamatan feri ini dipertingkatkan lagi.

Berhubung dengan soalan mengenai lawatan *incognito* ke terminal-terminal feri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dan ingin memaklumkan bahawa lawatan sedemikian telah pun dilakukan oleh Ketua Setiausaha kementerian dari masa ke semasa dan ini akan terus dijadikan amalan. [Bagi saya dan Timbalan Menteri yang baru sahaja dilantik, kami akan turut menjadikan lawatan secara mengejut suatu amalan.]

NO. SOALAN : *65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

a) Semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-8 hingga sekarang berapa banyak projek Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM10 juta ke atas yang telah dilaksanakan di Negeri Sabah; dan

b) Bolehkah Kementerian menyenaraikan semua kontraktor pelaksana yang dilantik dan berapa banyak di antara projek ini masih terbengkalai.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

a) Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, terdapat sebanyak 301 projek Kerajaan Persekutuan yang mempunyai siling bernilai RM10 juta ke atas yang telah dan akan dilaksanakan di negeri Sabah (sila rujuk lampiran untuk senarai projek lengkap).

b) Setakat ini, tidak ada projek RMKe9 yang terbengkalai di Negeri Sabah.

SENARAI PROJEK RMK-9 YANG DILAKSANAKAN DI NEGERI SABAH

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
1	PERUMAHAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD)KOTA BELUD, SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
2	MEMBINA DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS DI POS JABATAN PERANCANG GERAKAN (JPG) DI SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
3	MEMBINA BANGUNAN TAMBAHAN BLOK MAKMAL SAINS ASAS	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
4	BANGUNAN TAMBAHAN (ANNEX) BERDASARKAN ENROLMEN PELAJAR SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
5	PROJEK LEMBU PEDAGING	10,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
6	PEMBINAAN KOMPLEKS LKIM LABUAN	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
7	NAIK TARAF DAN SENGGARAAN PERALATAN LATIHAN/BANGUNAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) KINARUT, SABAH	10,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual
8	SISTEM BEKALAN AIR PANGKALAN-PANGKALAN DAN UNIT-UNIT TUDM	10,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Dahului Jadual
9	PEROLEHAN PERALATAN PUKALUB KOTA KINABALU -AIR DEFENCE NOTIFICATION CENTRE (ADNC)	10,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Sudah Siap
10	PUSAT KOKURIKULUM NEGERI SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
11	PENINGKATAN BANGUNAN PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI CAWANGAN KOTA KINABALU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
12	KKSS 4 TANGKARASON LABUK SUGUT (6CE, 1DCE)	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
13	KK SS4 LAGUD SEBRANG TENOM (6CE, 1DCE)	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
14	NAIKTARAF JABATAN KECEMASAN, DEWAN BEDAH DAN LAIN-LAIN UNIT BERDEKATAN HOSPITAL TENOM	10,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual
15	PEJABAT KESIHATAN RANAU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
16	PEJABAT KESIHATAN TAWAU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
17	PANGKALAN MARIN LAHAD DATU, SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
18	PEMBANGUNAN IKS SABAH	10,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
19	PEMBINAAN JETI PELANCONGAN DI SABAH.	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
20	BEKALAN AIR KUNDASANG.	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
21	BEKALAN AIR KENINGAU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
22	PROGRAM KEBANGSAAN GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM UNTUK NEGERI SABAH.	10,000,000	Bukan Fizikal - ICT	BARU	Belum Mula
23	CADANGAN MEMULIH DAN MEMBAIKI STESEN-STESEN PENGEPAM AIR KUMBAHAN SEDIA ADA DI KAWASAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU KOTA KINABALU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
24	CADANGAN PEMASANGAN, PENGGANTIAN DAN PEMBERSIHAN PAIP PEMBETUNGAN DI SEKITAR BANDARAYA KOTA KINABALU	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
25	NAIKTARAF/MEMBAIK PULIH SISTEM PEMBETUNGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SANDAKAN	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
26	MEMPERELOKKAN KAWASAN MERBAHAYA DILALUAN JALAN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN - SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
27	NAIKTARAF JALAN MEROTAI KE KALABAKAN	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
28	RANCANGAN MENCEGAH BANJIR, SG. KINABUTAN KECIL	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
29	PEMBINAAN LOJI PENAPIS AIR DI PITAS (BARU)	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
30	PENINGKATAN KEMUDAHAN KAWASAN PINTU MASUK TAMAN KINABALU SABAH, GALERI GUNUNG KINABALU & STATUE OF CLIMBTHON, SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
31	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SABAH	10,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
32	JALAN TELUPID - SINGGAHMATA, BELURAN, SABAH	10,200,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
33	SMK SIMPANGAN	10,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
34	NAIKTARAF DAN TURAP JALAN MALIKAI/TG. ARU/MANSUD / KERUKAN, KUALA PENYU	10,550,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
35	SMK SINDUMIN	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
36	SMK CINTA MATA	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
37	SMK TINUSA	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN/ BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
38	SMK SILABUKAN	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
39	SMK WALLACE BAY	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
40	SMK BANDAU	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
41	SMK PADANG BERAMPAH	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
42	SMK LANGKON	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
43	SMK ULU SAPI	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
44	SMK KEBUN BARU	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
45	SMK LIBARAN	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
46	SMK SUKAU	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
47	SMK NABALU	10,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
48	MEMBINA KUARTERS INTEGRASI QEH 40D, 50F, 50G (140 UNIT) DI TAPAK HOSPITAL BUKIT PADANG, K.KINABALU	10,640,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
49	TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN SABAH	11,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
50	SMK KANIBONGAN	11,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
51	SMK GUM-GUM II	11,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
52	PROGRAM TAMBAHAN MAKANAN SEIMBANG (PTMS) NEGERI SABAH	11,155,900	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
53	SMK BINUANG	11,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
54	SMK MERPATI	11,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
55	SMK PASIR PUTIH	11,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
56	SMK ARSHAD II (SS)	11,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
57	SMK BINUANG	11,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
58	PPRB TMN.SEMARAK	11,414,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
59	NAIKTARAF JALAN RAMPAIAN LAUT & ULU RAMPAIAN, KOTA BELUD	11,570,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
60	INFRASTRUKTUR LADANG SABAH	11,614,860	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
61	SMK PARIS	11,700,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
62	BALAI POLIS SANDAKAN, SABAH	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
63	PROJEK RUMAH PENYEMBELIHAN DAN KESIHATAN AWAM	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
64	SISTEM KUMBAHAN PANGKALAN-PANGKALAN UDARA DAN UNIT-UNIT TUDM	12,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Dahului Jadual
65	SMK TERUSAN (SEPAGAYA II)	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
66	SMK BERINGGIS	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
67	SMK TITINGAN	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
68	SMK BENGKONGAN	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
69	SMK TANDEK II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
70	SMK BEAUFORT III	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
71	SMK PENGALAT	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
72	SMK KABOTA	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
73	SMK KUNDASANG	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
74	SMK BATU SAPI II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
75	SMK PEKAN TELIPOK	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual.
76	SMK KINABUTAN II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
77	SMK TAWAU II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
78	SMK KEPAYAN	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
79	SMK KUHARA II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
80	SMK BANDARAYA II	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
81	SMK TAUN GUSI II (SS)	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
82	MEMBINA KUARTERS 16D, 16F, 16G HOS. DOK SANDAKAN	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
83	BEKALAN AIR KOTA KINABALU FASA III - KAJIAN KEMUNGKINAN	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
84	MEMBAIKPULIH/MENGGANTIKAN JAMBATAN-JAMBATAN DI JALAN PERSEKUTUAN YANG KRITIKAL	12,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
85	PEMBAIKAN CERUN CERUN DI LALUAN PERSEKUTUAN 500, JALAN PENAMPANG -TAMBUNAN-KENINGAU-TENOM - FASA 1.	12,050,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
86	PERALATAN TABIKA NEGERI SABAH	12,085,600	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual
87	SMK PETAGAS	12,420,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
88	MENAIKTARAF LOJI BENIH PADI, PUSAT PENGELUARAN BENIH TENOM	12,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
89	PROGRAM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH	12,707,000	Bukan Fizikal - Program	BARU	Ikut Jadual
90	TANAM BARU GETAH BERKELOMPOK DENGAN KLON LATEKS BALAK	13,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
91	TANAM SEMULA GETAH BERKELOMPOK DENGAN KLON LATEKS BALAK	13,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
92	PEMBINAAN LOJI AIR SUKAU, KINABATANGAN	13,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
93	PEMBANGUNAN AKUAKULTUR	13,500,000	Bukan Fizikal - Program	BARU	Ikut Jadual
94	RANCANGAN PENGAIRAN SABAH	13,600,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
95	MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN SPS III, SANDAKAN, SABAH	13,770,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
96	NAIKTARAF DAN MEMULIHKAN JALAN K.BELUD KE LANGKON	14,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
97	MEMBINA MAKMAL DAN TABUNG DARAH WILAYAH DI QEH	14,600,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
98	PROJEK BEKALAN ELEKTRIK FELDA	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
99	TAMAN SENI BUDAYA NEGERI-NEGERI	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
100	WISMA PENDIDIKAN SABAH	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
101	MRSM TAWAU, SABAH	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
102	PUSAT LATIHAN PERTAHANAN AWAM NEGERI SABAH	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
103	PENGGANTIAN PERALATAN PENYIARAN DI RTM SABAH	15,000,000	Bukan Fizikal - ICT	BARU	Dahului Jadual
104	PROGRAM MENGURANGKAN KADAR KEHILANGAN AIR TIDAK TERHASIL NEGERI SABAH - SANDAKAN (FASA II)	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
105	NAIKTARAF JALAN DARI DONGGONGON KE SIMPANG JALAN PAPAR SPUR.	15,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
106	SMT BEAUFORT	15,116,709	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
107	PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN SABAH	15,420,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
108	BALAI BOMBA DAN KUARTERS KUALA PENYU,SABAH.	15,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
109	UITM - UITM TAWAU, SABAH (KOMPLEKS ASRAMA)	15,702,630	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
110	SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS TUARAN SABAH	16,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
111	JALAN TOMIS - TIONG - LOKOS - KOTUNUAN - WASAI, KIULU, TUARAN, SABAH	16,200,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
112	BEKALAN AIR TLDM SEPANGAR SABAH	16,300,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
113	PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) KINARUT, SABAH	16,500,000	Bukan Fizikal - Latihan	BARU	Dahului Jadual
114	RANCANGAN SALIRAN SABAH	16,530,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
115	NAIKTARAF/MEMBAIK PULIH SISTEM PEMBETUNGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PENAMPANG	17,200,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
116	PEMBINAAN JALAN LINTAS KOTA BELUD	17,526,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
117	NAIKTARAF POLITEKNIK KOTA KINABALU (PKK)	17,700,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
118	HOSPITAL KUNAK (76 KATIL)	18,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
119	MEMINDA DAN MEMBAHARUI PEJABAT PERSEKUTUAN SABAH	18,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
120	NAIKTARAF JALAN DARI PARAPAT KE LIMAU-LIMAUN, KUDAT	18,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
121	BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN RANAU, SABAH	18,310,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
122	INFRASTRUKTUR LADANG SABAH (PULAU BANGGI)	18,350,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
123	HOSPITAL KENINGAU (200 KATIL)	19,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
124	RTB BANDARAN SG. MENGGATAL	19,400,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
125	BEKALAN INPUT PERTANIAN DAN PERALATAN PERTANIAN - PPTK SABAH	19,493,828	Bukan Fizikal - Program	BARU	Ikut Jadual
126	BEKALAN AIR LUAR BANDAR (SISTEM ALTERNATIF) SABAH	19,991,783	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
127	MAHKAMAH SYARIAH SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
128	Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah -Estet EKS Kinarut (P)	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
129	UITM CAWANGAN SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
130	TANAMAN PADI KOMERSIL SABAH	20,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Belum Mula
131	KRMD SUKAN AIR DAN UDARA SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
132	MENINGKATKAN KEMUDAHAN LATIHAN KAW. KLINIKAL BAGI J/JM/JB KSKB KOTA KINABALU	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
133	KK4SS TELUPID, BELURAN (6CE, 1DCE)	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
134	KK4 NABAWAN DENGAN X-RAY DAN 32G KUARTERS, NABAWAN (6CE, 1DCE)	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
135	BLOK WAD 6 TINGKAT, 'HDOK, SANDAKAN	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
136	BLOK WAD 6 TINGKAT, HOSPITAL TAWAU	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
137	IBU PEJABAT KKDN -INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
138	MEMBINA PUSAT LATIHAN PENJARA WILAYAH SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
139	PINJAMAN BAGI PEMBANGUNAN PENEMPATAN BARU UNTUK PENDUDUK KG. SRI TANJUNG, PETAGAS, LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU	20,000,000	Bukan Fizikal - Geran	BARU	Sudah Siap
140	GRID PANTAI TIMOR SABAH	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
141	KERJA-KERJA MEMPERTINGKAT SISTEM PEMBETUNGAN SEDIA ADA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANDAR SANDAKAN	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
142	KERJA-KERJA MEMPERTINGKAT SISTEM PEMBETUNGAN BDC SANDAKAN SEDIA ADA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
143	CADANGAN MEMULIH DAN MEMBAIKI LOJI-LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN SEDIA ADA DI KAWASAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU, KOTA KINABALU	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
144	JALAN TUNDUN BOHANGIN, KINABATANGAN	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
145	PEMBINAAN LOJI PENAPIS AIR DI TENOM (BARU)	20,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
146	PROJEK MENGATASI MASALAH PENCEMARAN DARI SISTEM PEMBETUNGAN DI KAWASAN PELANCONGAN KOTA KINABALU	20,200,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
147	KERJA-KERJA MEMPERTINGKAT DAN MEMEPERBAIKI SISTEM TADAHAN PEMBETUNGAN DI SANDAKAN UTARA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	20,245,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
148	NAIKTARAF JALAN KUALA PENYU, BINSULOK, PIMPING - MEMBAKUT, SABAH	20,300,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
149	JALAN APIN-APIN - BUNDU - KG.TIGA, KENINGAU, SABAH	20,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
150	SK KUNAK II	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
151	KK2 TAWAU (18CE, 8DCE)	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
152	SKIM SERTA-MERTA/KECEMASAN (EWSS) PAPAR	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
153	SKIM SERTA-MERTA/KECEMASAN (EWSS) KUDAT	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
154	SKIM PEMBETUNGAN KOTA BELUD FASA 1	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
155	SKIM PEMBETUNGAN TAMPARULI	21,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
156	PPR DISEWA BUKIT PADANG	22,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
157	AKADEMI KASTAM CAWANGAN SABAH	22,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
158	PEMBAIKAN CERUN CERUN - JALAN RANAU KE TELUPID	22,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
159	PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT SETEMPAT (PPMS) SABAH	23,504,300	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
160	SKIM SERTA-MERTA/KECEMASAN (EWSS) SANDAKAN	24,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
161	KOMPLEKS KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI(KHEDN) SANDAKAN, SABAH	24,010,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
162	PUSAT PASCA SISWAZAH	25,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
163	PEMBANGUNAN TANAH UNTUK PERTANIAN DASAR PERTANIAN NEGARA 3	25,000,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
164	KOMPLEKS SUKAN TAWAU, SABAH	25,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
165	MEMBINA KUARTERS INTEGRASI 300 UNIT KELAS G DI TAPAK HOSPITAL TUARAN	25,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
166	MENAIKTARAF KAPASITI PENGELUARAN LOJI PENAPIS AIR DAN SISTEM BEKALAN AIR KUNAK.	25,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
67	PROJEK KHAS TANAM BARU DENGAN GETAH DI KAWASAN TERMUNDUR DI SEMENANJUNG BENGKOKA, PITAS	25,000,000	Bukan Fizikal - Program	BARU	Dahului Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
168	PROGRAM NAIK TARAF JALAN KAMPUNG NEGERI SABAH	25,200,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
169	NAIKTARAF JALANRAYA KG. SUAN LAMBA, KINABATANGAN [REKA & BINA]	26,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
170	BLOK KLINIKAL SEKOLAH PERUBATAN	27,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
171	NAIKTARAF DAN MEMULIHKAN JALAN MENGGATAL-BERUNGIS-PAKEJ 2.	27,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Sudah Siap
172	PPR DISEWA KINARUT	27,300,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
173	PPR DISEWA KENINGAU	27,300,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
174	MEMBINA JALAN MAGATANG, SOOK, SABAH	27,310,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
175	PROJEK JALAN FELDA NEGERI SABAH	28,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
176	UITM - UITM CAWANGAN SABAH (KOMPLEKS ASRAMA)	28,264,730	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
177	PPR DISEWA PEKAN BELURAN	28,560,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
178	PROGRAM LATIHAN DAN KEMAHIRAN KERJAYA NEGERI SABAH	28,600,000	Bukan Fizikal - Latihan	BARU	Ikut Jadual
179	PPR DISEWA KUNAK	28,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
180	PEMBANGUNAN PP SABAH	29,987,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
181	PROJEK SISTEM BEKALAN AIR FELDA	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
182	PROJEK PEMBANGUNAN KD SRI SANDAKAN FASA 3	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
183	PROGRAM MENGURANGKAN KADAR KEHILANGAN AIR TIDAK TERHASIL NEGERI SABAH - KOTA KINABALU	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
184	PEMBINAAN PEMBETUNG UTAMA SEPANJANG LINGKARAN JALAN KOTA KINABALU, KAWASAN KOLOMBONG KE JALAN TUARAN, KOTA KINABALU	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
185	SKIM PEMBETUNGAN KUDAT FASA 1	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
186	NAIKTARAF JALAN DARI KARAKIT - LIMBUAK, PULAU BANGI, KUDAT	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
187	NAIKTARAF JALAN PULAU BUM-BUM, SEMPORNA	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
188	PEMBINAAN LOJI AIR PULAU BANGGI	30,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
189	POLITEKNIK KOTA KINABALU, SABAH	31,300,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
190	NAIKTARAF DAN MEMULIHKAN JALAN SANDAKAN KE TELUPID DARI BATU 32 KE TELUPID	31,500,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
191	NAIKTARAF JALAN RANAU-TAMBUNAN FASA I	31,600,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
192	MEMBINA PUSAT LATIHAN IKATAN RELAWAN RAKYAT (RELA) MALAYSIA WILAYAH SABAH	33,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
193	PPRB KIANSOM BESAR	33,211,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
194	UITM -BANGUNAN AKADEMIK DAN ASRAMA SABAH	34,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
195	SMK TANDEK II	34,200,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
196	PPRB TELIPOK	34,222,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
197	MEMBINA JALAN JEROCO LAHAD DATU - FASA 2	35,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
198	NAIKTARAF JALAN MENTADAK / TAMANG - KG. BERKESONG BESAR - KG. BERKESONG KECIL, SG. MELAYU, PULAU SEBATIK, TAWAU (FASA III)	35,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
199	PEMBINAAN HOTEL SERI MALAYSIA SEMPORNA, SABAH	35,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
200	PPR DISEWA JLN SAGINDAI	35,700,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
201	SMK KUNAK II	35,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
202	PPR DISEWA GUM GUM	36,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
203	PPR DISEWA JLN UPPER	36,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
204	PPR Disewa Batu 7, Army Camp	36,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
205	JALAN KOKOL - PORING PORING	36,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
206	MENAIKTARAF SISTEM PENGHANTARAN DI KOTA KINABALU, SANDAKAN DAN TAWAU	36,400,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
207	MEMBINA JALAN DARI NANGOH KE KANIBONGAN	36,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
208	NAIKTARAF DAN TURAP JALAN PANTAI - BANTING - KUALA MENGALONG, SIPITANG	37,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
209	PROGRAM PENGAIRAN SABAH-IMBUHANBALIK	37,470,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
210	NAIKTARAF JALAN SAPI-NANGOH	38,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
211	RTB BANDARAN SG. PANCURAN	38,700,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
212	PEMBAIKAN CERUN-CERUN DI LALUAN PERSEKUTUAN 500, JALAN PENAMPANG-TAMBUNAN-KENINGAU TENOM - FASA 2.	40,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
213	PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI CAWANGAN SANDAKAN	41,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
214	PROJEK KEMISKINAN SABAH	41,192,200	Bukan Fizikal - Program	BARU	Ikut Jadual
215	ALAM MESRA 132 KV TRANSMISSION SYSTEM	41,600,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
216	PEMASANGAN PRIMARY SURVEILLANCE RADAR (PSR)/ SECONDARY SURVEILLANCE RADAR (SSR) - TAWAU	42,500,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual
217	PEMBAIKAN CERUN-CERUN JALAN SANDAKAN - TELUPID	43,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
218	MP GAYA SABAH	44,360,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
219	MP KENT TUARAN SABAH	44,360,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
220	PERUMAHAN TENTERA DARAT (TD) KOTA KINABALU (LOK LAWI) SABAH	45,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
221	DEWAN KULIAH PUSAT KE-2	45,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
222	MRSM SANDAKAN, SABAH	45,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
223	RANCANGAN MENCEGAH BANJIR, KG. GILING	46,900,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
224	PROGRAM AMENITI SOSIAL SABAH	47,050,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
225	PERUMAHAN TENTERA DARAT (TD) TAWAU SABAH	50,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
226	KUARTERS BALAI BOMBA MENGGATAL, SABAH.	50,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
227	PEMBANGUNAN KD SRI TAWAU	50,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
228	KLINIK PAKAR QEH	50,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
229	MEMBINA PENJARA BARU LAHAD DATU	50,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
230	PPR DISEWA BATU 4 1/2	50,400,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
231	PEMBELIAN BANGUNAN SABAH MEDICAL CENTRE (SMC) (504 KATIL)	52,000,000	Fizikal - Kelengkapan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
232	PEMBINAAN LOJI AIR APAS DAN BALUNG, TAWAU	54,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
233	BLOK MENARA QEH	55,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
234	PINJAMAN / PEMBIAYAAN IDB	55,800,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Sudah Siap

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
235	KOLEJ SAINS KESIHATAN KOTA KINABALU. FASA II	57,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
236	MEMBINA JALAN KOTA MARUDU-MARAK PARAK-MELINSAU-PORING-RANAU, SABAH .	59,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
237	POS-POS GERAKAN NEGERI SABAH, SABAH	60,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
238	PERUMAHAN KHEDN SABAH	60,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
239	PEMBINAAN LOJI AIR SIPITANG	60,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
240	BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN KOTA KINABALU, SABAH	61,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
241	PERSIMPANGAN BERTINGKAT KARAMUNSING KOTA KINABALU	62,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
242	PPR DISEWA BATU 8 JLN APAS	64,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
243	PROJEK PEMBANGUNAN FASA 2A	65,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
244	PEMBINAAN KEM BATALION 7 REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA (BATALION INFANTRI STANDARD) KEM KUBOTA, SABAH.	65,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
245	PERUMAHAN TENTERA DARAT (TD) SANDAKAN, SABAH	67,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
246	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SABAH - INTEGRATED PETROCHEMICAL COMPLEX (P)	70,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
247	LATIHAN PENYELIDIKAN UNTUK UNIVERSITI DI SABAH	70,000,000	Bukan Fizikal - Kajian	BARU	Lewat Jadual
248	KOMPLEKS PENYIARAN KOTA KINABALU	70,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
249	NAIKTARAF JALAN RANAU KE TAMBUNAN (FASA 2)	70,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
250	PPR DISEWA BT. 2 1/2, JLN. BUBUL LAMA	72,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
251	MENAIK TARAF JALAN KENINGAU KE KIMANIS	72,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
252	KAMPUS INTAN WILAYAH SABAH & LABUAN	74,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
253	NAIKTARAF JALAN SUKAU, KINABATANGAN .	74,800,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
254	PROJEK KECIL DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH	75,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
255	TALIAN PENGHANTARAN GRID SAMBUNGTARA TIMOR BARAT SABAH	76,500,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
256	PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP) NEGERI SABAH	76,570,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
257	PEMBINAAN MAKMAL KOMPUTER SABAH	78,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
258	BEKALAN BARU PPSMI NEGERI SABAH	78,000,000	Bukan Fizikal - ICT	BARU	Ikut Jadual
259	PERALATAN QEH	78,250,000	Fizikal - Kelengkapan	SAMBUNGAN	Lewat Jadual
260	SEKOLAH SUKAN SABAH	80,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
261	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) SANDAKAN	80,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
262	MENGGANTIKAN JAMBATAN-JAMBATAN LAMA DI KAWASAN PENDALAMAN NEGERI SABAH	80,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
263	PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGERI SABAH	81,850,000	Bukan Fizikal - Program	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
264	PPRB TELIPOK RIA	84,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
265	PROJEK PENGUKUHAN SISTEM PEMBAHAGIAN KOTA KINABALU	92,700,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
266	PEMBELIAN TANAH PENDIDIKAN SABAH	97,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
267	PROJEK PEMBANGUNAN FASA 2B	100,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
268	SEK.MEN.TEKNIK SABAH (SMT BEAUFORT)	100,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
269	PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS KEWANGAN DI KOTA KINABALU, SABAH	100,000,000	Bukan Fizikal - ICT	BARU	Ikut Jadual
270	MEMBINA JALAN PANTAI KAMPUNG SELAMAT-MENTELITIP.	102,040,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
271	SEKOLAH PERTANIAN, UMS KAMPUS SANDAKAN.	112,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
272	PEMBAIKAN CERUN CERUN - JALAN TAMPARULI KE RANAU	112,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
273	Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah -Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) (P)	114,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
274	MEMBINA SANDAKAN NORTHERN RING ROAD	115,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
275	PROJEK SISTEM PENGAWASAN LAUT AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)	120,000,000	Fizikal - Kelengkapan	BARU	Ikut Jadual
276	PERUMAHAN PASUKAN GERAK AM (PGA) KINARUT SABAH	120,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
277	TRAFFIC IMPROVEMENT AND MANAGEMENT SCHEMES ALONG JALAN KEPAYAN, KOTA KINABALU	121,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Belum Mula
278	PANGKALAN TLDM TELUK SAPANGAR	121,675,517	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
279	PENINGKATAN INFRASTRUKTUR TG. ARU - KIMANIS (SEKTOR 1)	129,800,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN/ BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
280	BEKALAN PPSMI RMKE8 SABAH	131,126,616	Bukan Fizikal - ICT	SAMBUNGAN	Sudah Siap
281	SEKOLAH PERUBATAN	140,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
282	132 KOTA KINABALU OUTER RING	148,100,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Lewat Jadual
283	PROJEK KELOMPOK INDUSTRI BERASASKAN KELAPA SAWIT (POIC) - PINJAMAN	153,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
284	MEMBINA JALAN TELUPID-LINUYUKAN-TONGOD	158,700,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
285	BEKALAN AIR LUAR BANDAR (SISTEM RETIKULASI) SABAH	160,130,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
286	BEKALAN AIR PAPAR	180,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
287	POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH	184,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
288	PENGUKUHAN SISTEM PEMBAHAGIAN DISABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	191,300,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
289	PROJEK JALAN KAMPUNG - SABAH	200,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
290	PPR Disewa Baru, Sabah .	207,360,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
291	PENINGKATAN INFRASTRUKTUR KIMANIS - TENOM (SEKTOR 2)	219,700,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
292	BEKALAN AIR KUDAT SABAH	230,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Belum Mula
293	MEMBINA JALAN SIPITANG KE TENOM.	265,500,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Sudah Siap
294	PEMBINAAN LOJI/KOLAM TAKUNGAN DAN PAIP UTAMA TELIBONG DAN TELIPOK SABAH	270,000,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual
295	PANGKALAN KAPAL SELAM TELUK SEPANGAR	330,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
296	BEKALAN AIR SANDAKAN FASA II SABAH	390,347,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
297	PENINGKATAN LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU (PAKEJ 1 - BANGUNAN TERMINAL)	400,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Ikut Jadual
298	BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR SABAH	411,250,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
299	MEMBINA JALAN DARI SEPULUT KE KALABAKAN.	482,650,000	Fizikal - Pembinaan	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
300	PENINGKATAN LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU (PAKEJ 2 - APRON/RUNWAY)	502,000,000	Fizikal - Pembinaan	BARU	Dahului Jadual
301	PEROLEHAN 2 X KAPAL SELAM	2,130,200,000	Fizikal - Kelengkapan	SAMBUNGAN	Dahului Jadual

BIL	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	JENIS KATEGORI	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA

Jumlah Siling Yang Diluluskan Untuk Negeri Sabah (Termasuk Projek Di Bawah Kategori Pelbagai Negeri) **16,200,013,673**

Bilangan Projek Sambungan RMK-9 105
Bilangan Projek Baru RMK-9 195

Bilangan Projek Mengikut Status Pelaksanaan	
- Belum Mula	41
- Lewat Jadual	22
- Ikut Jadual	139
- Dahului Jadual	60
- Sudah Siap	39
JUMLAH	301

SOALAN NO. 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 13 MEI 2008

SOALAN:

BELIAU MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN MELALUI KAJIAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN (*HIGHWAY NETWORK DEVELOPMENT PLAN* ATAU HNDP FASA 2):-

(A) BERAPAKAH KOS DAN MASA YANG DIAMBIL BAGI MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN JALAN-JALAN TERSEBUT; DAN

(B) HASIL KAJIAN KEMENTERIAN YANG MANA SATU JALAN-JALAN DI SABAH DIBERI KEUTAMAAN.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

(A) UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERAJAAN AKAN MENJALANKAN KAJIAN SEMULA PELAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA (*HIGHWAY NETWORK DEVELOPMENT PLAN*, HNDP) FASA 2 YANG MELIBATKAN NEGERI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN. KOS KAJIAN TERSEBUT DIANGGARKAN RM3 JUTA DAN AKAN DIMULAKAN PADA TAHUN INI. TEMPOH KAJIAN INI IALAH DUA TAHUN DAN IA DIJANGKA SIAP PADA TAHUN 2010. KOS DAN TEMPOH MASA BAGI MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN PROJEK - PROJEK JALAN AKAN

HANYA DIKETAHUI APABILA KAJIAN TERSEBUT SIAP KELAK.

(B) UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, KAJIAN SEMULA PELAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA (HNDP) FASA 2 INI AKAN MENGENALPASTI KEUTAMAAN SESUATU PROJEK JALAN DI NEGERI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BERDASARKAN ASPEK TEKNIKAL DAN EKONOMI SEPERTI BERIKUT:

I) KEPERLUAN MEWUJUDKAN SISTEM RANGKAIAN JALAN RAYA;
II) ISIPADU LALU LINTAS MASA HADAPAN YANG TINGGI;

III) NISBAH ISIPADU/KAPASITI (*V/C RATIO*) LALU LINTAS YANG TINGGI; DAN

IV) KOS EFEKTIF PROJEK YANG TINGGI.

SOALAN NO. 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)

TARIKH : 13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Datuk Ismail Kasim (Arau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi kemajuan wanita dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-9 terutamanya melalui penyertaan wanita-wanita dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan misalnya melalui penggabungan dan penyepaduan, bantuan kewangan dan penyediaan program yang lebih baik.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan sedang mengambil usaha untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan

penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Menurut perangkaan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan guna tenaga wanita (women labour force) dalam pasaran kerja pada tahun 2006 adalah 45.8 peratus. Ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan lagi kemajuan wanita bagi membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sepenuhnya dan melibatkan diri dengan lebih berkesan dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dalam RMKe-9, beberapa tumpuan akan diberikan oleh KPWKM seperti peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan termasuklah bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi tujuan tersebut, KPWKM telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha membangunkan keupayaan dan kapasiti kaum wanita di Malaysia. Sepanjang tahun 2007, sebanyak Satu Ratus Lima Puluh Tiga (153) program pembangunan wanita dalam bidang seperti kemahiran, keusahawanan dan pengurusan perniagaan telah dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Seramai Tiga Belas Ribu Empat Ratus Tiga Puluh

Satu (13,431) orang wanita telah mengikuti program-program tersebut dengan peruntukan berjumlah RM2.04 juta.

Selain itu, KPWKM juga melaksanakan program Jejari Bestari di mana ia merupakan program kemahiran dalam tiga bidang iaitu jahitan pakaian dan sulaman manik, pembuatan aksesori wanita dan Pembuatan kasut dan beg tangan. Program ini secara tidak langsung dapat membantu membekalkan golongan wanita dengan kemahiran jahitan, seterusnya membuka peluang untuk mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, ataupun bekerja dengan mengambil upah. Sehingga bulan Disember 2007, program ini telah dilaksanakan di seluruh negara yang melibatkan seramai 6,570 orang peserta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menggalakan lebih ramai wanita menceburi dalam bidang keusahawanan, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi melaksanakan program penjagaan kanak-kanak di rumah atau home childcare, dengan izin, dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO). Selain itu, Kementerian juga telah memperkenalkan program Pejabat@Rumah di mana ia merupakan program yang berkonsepkan bekerja dari

rumah. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama di kalangan wanita kerana ia bukan sahaja dapat menambahkan sumber pendapatan, malah mereka dapat meluangkan lebih masa untuk bersama dengan keluarga. Kementerian juga telah mengeluarkan satu garis panduan bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga memainkan peranan dalam memberi khidmat nasihat kepada wanita-wanita yang ingin menceburi bidang perniagaan dan usahawan dengan bantuan dan kerjasama daripada agensi-agensi yang berlaitan. Ini merupakan langkah-langkah atau usaha-usaha penggabungan dan penyepaduan bantuan kewangan dan penyediaan latihan antara Kementerian dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Ini termasuklah dalam memberi peluang untuk wanita mendapat pinjaman mikro (micro credit) dari Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Berdasarkan statistik SMIDEC, bagi tempoh Ogos 1999 hingga Ogos 2007, jumlah kelulusan bantuan kewangan yang dikeluarkan kepada wanita di bawah Skim Bantuan

Khas Untuk Usahawan Wanita adalah sebanyak 849 kelulusan yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM85.39 juta. TEKUN pula sehingga 30 September 2007, telah meluluskan sebanyak 68,383 permohonan yang berjumlah RM354.68 juta kepada usahawan wanita.

SOALAN NO. (68)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah lebih pro-aktif bagi melindungi para pembeli rumah seperti mewajibkan pemaju perumahan menjadi penjamin terhadap pinjaman pembeli sehingga tarikh penyerahan kunci sebagai tanda komitmen terhadap pembeli.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat dan prosedur bagi penjamin pinjaman pembeli adalah tertakluk kepada bank pembiaya atau Syarikat Kewangan. Selain itu syarikat pemaju juga mempunyai tanggungan dan liabiliti sendiri. Tambahan pula jika projek berjaya disiapkan dan pembeli gagal membayar balik pinjaman perumahan kepada bank pembiaya, pemaju pula perlu menanggung liabiliti pembeli.

Antara langkah-langkah utama yang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan **memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan** terhadap pemaju perumahan dan **memberi lebih perlindungan kepada pembeli rumah adalah seperti berikut :-**

(i) Memperketatkan syarat pengeluaran lesen dengan mengenakan pembayaran deposit tidak kurang daripada RM200,000.00 sebagai tambahan kepada syarat memiliki modal berbayar sebanyak RM 250,000.00;

(ii) Memastikan hanya syarikat pemaju perumahan yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta telah memperoleh kelulusan pembangunan daripada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang boleh memohon lesen;

(iii) Mempertingkat lawatan ke tapak projek serta memastikan pemaju mengemukakan laporan kemajuan projek melalui Borang 7F yang betul dan lengkap serta tidak bercanggah dengan kemajuan ditapak projek. Penghantaran laporan kemajuan projek ini juga tidak hanya terikat kepada dua kali setahun tetapi mengikut keperluan Pengawal Perumahan;

(iv) Sebagai tambahan kepada kuasa Pengawal Perumahan untuk melaporkan perilaku arkitek dan jurutera kepada badan profesional yang berkaitan, KPKT kini boleh mengambil tindakan terhadap arkitek dan jurutera yang memberikan perakuan ke atas kemajuan projek yang tidak benar selaras dengan seksyen 22F Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] di mana sabit kesalahan boleh didenda minima RM10 ribu dan maksima RM100 ribu atau penjara lima tahun atau kedua-duanya;

(v) Mempertingkat aktiviti semakan ke atas pengurusan Akaun Pemajuan Perumahan oleh syarikat-syarikat pemaju di mana Pengawal Perumahan boleh membekukan Akaun Pemajuan Perumahan jika beliau mendapati suatu syarikat pemaju perumahan yang dilesenkan menjalankan perniagaan dalam cara yang menjejaskan kepentingan pembeli.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

Soalan No : 69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)**
TARIKH	:	**13.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mempertingkatkan status 'Mission School' dari segi peruntukan seperti bantuan yang diberi kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memberikan sumbangan bantuan penuh kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan Perkapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P & P). Sumbangan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua sekolah bantuan kerajaan yang terdiri daripada

Sekolah Jenis Kebangsaaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan sekolah mubaligh (*mission school*). Walau bagaimanapun pihak KPM tidak menetapkan jumlah pecahan peruntukan mengikut aliran sekolah tertentu tetapi berasaskan kepada keutamaan, terutama bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran.

Pada masa ini KPM sedang menjalankan kajian menyeluruh mengenai keperluan asas semua jenis sekolah tersebut bagi menentukan langkah serta tindakan yang perlu diambil bagi memperbaiki pengoperasian sekolah berkenaan, selaras dengan peruntukan yang diberikan di bawah Akta Pendidikan 1996.

Rjm39

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]**

TARIKH : **13 MEI 2008**

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ekoran pembubaran Dewan Rakyat pada tahun ini, berapakah jumlah amaun ganjaran yang telah dibayar kepada anggota Kabinet dan Parlimen yang telah bersara atau diberhentikan perkhidmatan mereka mengikut pecahan ahli Parlimen dan anggota Kabinet.

JAWAPAN : **YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pembayaran ganjaran yang dibayar untuk semua Ahli Parlimen dan Anggota Pentadbiran di bawah peruntukan Jadual Pertama, Akta Ahli Parlimen (Saraan)1980 (Akta 237), ekoran daripada pembubaran Parlimen Ke Sebelas adalah sebanyak RM 36,574,873. Daripada

jumlah ini, seramai 133 Ahli Dewan Rakyat dibayar sejumlah RM 10,852,563, manakala sejumlah 86 Anggota Pentadbiran yang juga Ahli Dewan Rakyat dibayar sejumlah RM 24,858,046 dan 4 Anggota Pentadbiran yang juga Ahli Dewan Negara dibayar sejumlah RM 864,264.

NO. SOALAN : 1071

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)**
TARIKH	:	**13 MEI 2008**
SOALAN	:	**DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian sebenar Kerajaan Pusat terhadap negeri-negeri yang dimenangi oleh parti pembangkang. Apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

Dari segi perhubungan dengan kerajaan negeri-negeri berkenaan, ia dilaksana berasaskan kepada peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkuatkuasa.

SOALAN NO. (72)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)
TARIKH	:	13 MEI 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) walaupun ada peraturan 7, 8 dan 9 di Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 yang meletak syarat ketat sebelum wang boleh dikeluarkan dari akaun tersebut, apakah sebabnya banyak projek perumahan telah terbengkalai; dan

(b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab atas pembayaran wang daripada akaun tersebut yang tidak sah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Jawapan bagi Soalan Bahagian (a),

Dari segi undang-undang, subseksyen 7A(4) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] memperuntukkan bahawa wang dalam Akaun Pemajuan Perumahan tidak boleh dikeluarkan oleh pemaju perumahan berlesen kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan di bawah Akta yang sama iaitu Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 [P.U.(A)231/1991]. Peraturan 7 dan 8 Peraturan-Peraturan berkenaan memperuntukkan tujuan-tujuan dan syarat-syarat pengeluaran wang masing-masingnya daripada Akaun Pemajuan Perumahan manakala Peraturan 9 memperuntukkan bagi pengeluaran wang lebihan daripada Akaun Pemajuan Perumahan.

Berdasarkan kajian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), punca utama projek perumahan menjadi terbengkalai adalah seperti berikut:

(1) Masalah kewangan (69%) khasnya sewaktu krisis kewangan Asia di mana banyak syarikat pemaju perumahan gagal membayar balik pinjaman titian mereka disebabkan bank-bank pembiaya menaikkan kadar faedah ke atas pinjaman.

(2) Masalah strategi pemasaran dan jualan (17%) di mana syarikat pemaju gagal membiayai pembinaan projek menerusi hasil jualan disebabkan strategi jualan yang kurang berkesan,tawaran pemajuan perumahan kurang menarik perhatian pembeli atau lokasi projek gagal menarik perhatian pembeli.

(3) Masalah teknikal (5%) seperti masalah di tapak projek seperti kawasan berbatu di mana kos untuk menjadikannya sesuai untuk pembinaan adalah tinggi.

(4) Masalah penempatan setinggan (6%) di mana setinggan yang dipindahkan mengambil tindakan mahkamah untuk memberhentikan pembinaan atau bertindak menyaman pemaju.

(5) Masalah pengurusan syarikat (3%) di mana krisis dalaman seperti perselisihan antara pengarah syarikat atau pengurusan syarikat dengan pekerja yang memberikan kesan kepada kelancaran projek.

Jawapan bagi Soalan Bahagian (b),

Selain tindakan-tindakan dari segi pentadbiran, pihak Kementerian telah mengambil tindakan untuk menyiasat dan memulakan pendakwaan terhadap pemaju perumahan dan pengarah syarikat yang berkenaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 118.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN NO: 273

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)**

TARIKH : **SELASA, 13 MEI 2008**

RUJUKAN : **008**

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah dewan orang ramai dan komuniti yang telah dibina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan dewan orang ramai dan pusat komuniti adalah seperti berikut;

A. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- 10 buah pusat komuniti
- 14 buah dewan serbaguna
- 8 buah kompleks sukan

B. Wilayah Persekutuan Putrajaya

- 3 buah pusat komuniti

C. Wilayah Persekutuan Labuan

- 4 buah dewan rang ramai
- 21 buah balairaya